


Jilid 1
Bil. 7



Hari Selasa
17hb Oktober, 1978

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN [Ruangan 509]

USUL:

Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong [Ruangan 526]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., D.S.I.J., J.M.N., P.I.S.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Pengangkutan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantuf).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SERI SYED AHMAD AL-HAJ BIN SYED MAHMUD SHAHABUDDIN, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Setiausaha Parliamen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan,
TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungei Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).

- Yang Berhomat TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAI BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- „ TUAN Oo GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ DR TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 17hb Oktober, 1978

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

**PERBADANAN PERKAPALAN
ANTARABANGSA MALAYSIA (MISC)—
PEMBELIAN KAPAL TANGKI**

1. Tuan Oo Gin Sun minta Perdana Menteri menyatakan samada pihak Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (Malaysia International Shipping Corporation) telahpun memperbuat suatu lapuran penilaian tentang hendak membeli 5 (lima) buah kapal jenis Tanker untuk Gas Cecair Asli (L.N.G.) manakala penyerahan kapal-kapal jenis tanker tersebut diharapkan berlaku pada penghujung tahun hadapan dan kapal-kapal tersebut tidak akan bergerak sehingga tahun 1983, dan nyatakan berapa perbelanjaan yang kena ditanggung bagi menjaga kapal-kapal ini di dalam tempoh ianya tiada bergerak tersadai begitu sahaja.

Perdana Menteri (Dato' Hussein Onn): Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun menjawab bahagian pertama soalan Ahli Yang Berhormat itu ketika menjawab soalan yang sama maksudnya dari Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar kelmarin. Berhubung dengan soal berapa perbelanjaan yang akan ditanggung bagi menjaga kapal-kapal L.N.G. itu sehingga ianya digunakan untuk mengangkut Gas Cecair L.N.G. dari Bintulu, saya tidak dapat menyatakannya dengan tepat pada masa ini. Ini adalah kerana ia bergantung kepada berjaya atau tidaknya usaha-usaha yang sedang dijalankan bagi mendapatkan kerja-kerja perdagangan dan pengangkutan

yang lain untuk kapal-kapal itu. Memandangkan usaha-usaha ini masih dalam perundingan, saya tidak dapat memberikan butir-butir lanjut mengenainya.

**HARTA MENTERI/TIMBALAN/
SETIAUSAHA PARLIMEN**

2. Tuan Lim Cho Hock minta Perdana Menteri menyatakan sejak Pilihanraya Umum 1978 siapakah Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen telah mengistiharkan hak milik mereka kepada beliau seperti yang dikehendaki oleh undang-undang, dan siapa pula yang belum dan mengapa tidak berbuat demikian. Sila sebutkan juga samada mereka dikehendaki membuat begitu tiap-tiap tahun.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, semenjak Pilihanraya Umum 1978 yang lalu, hampir semua Menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen telah mengemukakan kepada saya secara amanah senarai saham dan harta yang dipegang oleh mereka dan isteri-isteri mereka, sebagaimana yang dikehendaki oleh Peraturan-peraturan Kewajipan dan Kebijaksanaan Bagi Panduan Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen. Saya telah memperingatkan mereka yang belum berbuat demikian supaya mengemukakan senarai itu kepada saya dengan segera.

Mengikut Peraturan tersebut, mereka adalah dikehendaki mengemukakan senarai harta mereka kepada Perdana Menteri hanya ketika mula-mula memegang jawatan, dan tidak pada tiap-tiap tahun. Walau bagaimanapun, mereka adalah dikehendaki memberitahu jika ada apa-apa perubahan kepada maklumat yang telah diberikan.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mencadangkan satu akta dalam

Dewan Rakyat ini di mana tiap-tiap Ahli Parlimen ataupun Menteri mesti bersumpah tentang hartabenda dia dan perbelanjaannya tiap-tiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, dapatkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan kepada Dewan ini siapakah yang mempunyai paling banyak harta di antara Menteri-menteri yang telah declare kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri?

Tuan Yang di-Pertua: Itu tidak boleh. Kalau pakai umumkan, tidaklah rahsia kepada Perdana Menteri.

Tuan Chan Teck Chan: Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada berkata "hampir semua". Di sini saya hendak tahu apakah maknanya "hampir". Adakah masih ada beberapa orang Menteri atau Timbalan Menteri yang masih belum mengisytiharkan hartanya kepada Perdana Menteri?

Soalan kedua ialah, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan menjalankan satu sistem di mana semua Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri akan dikehendaki mengisytiharkan hartanya tiap-tiap tahun, bukan lima tahun sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan yang pertama itu sudah diterangkan tadi, yang belum itu diminta segera hantarkan senarai kepadanya.

Tuan Chan Teck Chan: Untuk penjelasan. Kalau belum, siapakah mereka yang masih belum mengisytiharkan hartabenda mereka?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah boleh beri nama tetapi saya beri angka. Yang belum lagi dan yang saya minta mereka yang berkenaan menghantarkan kepada saya dengan segera senarai itu ialah:

Menteri	1
Timbalan Menteri	5
Setiausaha Parlimen	3

Tuan Chan Teck Chan: Saya ingin tahu khasnya adakah Ahli Yang Berhormat dari Segamat iaitu Datuk Lee San Choon, sudahkah dia mengisytiharkan hartabendanya?

Tuan Yang di-Pertua: Mengapa pilih dia seorang, sayang sangatkah kepada dia?

Tuan Chan Teck Chan: Saya ada dengar desas desus di Malaysia mengenainya.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh beri jawapan atas nama atau tubuh badan seseorang Menteri itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, hendak tambah lagi soalan tambahan? Ahli Yang Berhormat dari Keluang.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjawab dalam Dewan ini adakah lapuran-lapuran daripada Menteri-menteri atau Timbalan-timbalan Menteri, lapuran itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri puas hati. Jika tidak, apakah tindakan sudah diambil?

Tuan Yang di-Pertua: Fasal dia puas hati, dia diam. Kalau tidak, tentu dia bertindak. Yang Amat Berhormat hendak menjawab? Tidak.

PERUNTUKAN PROJEK KECIL TAHUNAN

3. **Datuk Haji Abu Bakar bin Umar** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah peruntukan projek kecil tiap-tiap tahun yang diberi kepada Ahli-ahli Parlimen dari Barisan Nasional melalui Pegawai Kemajuan Negeri, yang dulunya bernilai \$50,000 kemudian ditambah menjadi \$100,000 itu akan dilaksanakan seterusnya. Jika ya, adakah jumlahnya akan ditambah dan adakah Kerajaan bercadang hendak meluaskan peruntukan ini kepada Ahli-ahli Parlimen dari parti-parti politik yang lain.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya peruntukan wang untuk projek-projek kecil tidak diberikan kepada mana-mana Ahli Parlimen samada kepada Ahli-ahli Barisan Nasional ataupun Ahli-ahli daripada pihak Pembangkang untuk menjalankan projek-projek kecil di mana-mana tempat sekalipun. Apa yang berlaku sehingga sekarang ini ialah peruntukan diberi kepada Jabatan Perdana Menteri dan disalurkan menerusi Pegawai-pegawai Kemajuan Negeri untuk melaksanakan rancangan-rancangan kecil samada rancangan ekonomi atau sosial

yang dikehendaki oleh rakyat di dalam tiap-tiap negeri di seluruh tanahair kita. Wakil-wakil rakyat Barisan Nasional sebagai pembantu kepada jentera Kerajaan dan sebagai agen pembangunan yang sentiasa menentukan pelaksanaan dasar pembangunan Kerajaan dan yang sedar tentang kemahuan dan kehendak rakyat, boleh mencadangkan projek-projek kecil sebagaimana yang dikehendaki oleh rakyat untuk diluluskan dan dilaksanakan bagi faedah rakyat. Projek-projek yang diluluskan oleh Jabatan Perdana Menteri setelah diperakui oleh Pegawai-pegawai Kemajuan Negeri yang berkenaan adalah dilaksanakan oleh Pegawai-pegawai atau Penolong-penolong Pegawai Daerah di seluruh tanahair dengan kerjasama pihak-pihak tertentu dalam negeri-negeri yang berkenaan. Projek-projek kecil itu dilaksanakan oleh pegawai-pegawai ini di kesemua kawasan dalam negara kita ini untuk kepentingan seluruh rakyat.

Peruntukan tahunan yang disediakan oleh Kerajaan adalah berdasarkan kepada kawasan-kawasan Pilihanraya Parlimen dan Peruntukan wang itu digunakan untuk melaksana projek-projek kecil seperti parit-parit dan jambatan-jambatan kecil sebagai tambahan kepada projek-projek pembangunan yang lain. Tambahan ini dibuat oleh kerana banyaknya projek-projek kecil yang dikehendaki oleh rakyat dan sukar bagi Kerajaan untuk menyenaraikan satu persatu tiap-tiap projek kecil itu ataupun membuat perancangan mengenainya.

Adalah wajar sekali bagi Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional yang menyokong dasar parti yang memerintah, diberi peluang untuk mengemukakan kepada Jabatan Perdana Menteri cadangan di atas jenis-jenis projek kecil yang dikehendaki oleh rakyat di kawasan masing-masing. Adalah juga berpatutan bagi Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional yang sentiasa mendampingi rakyat dan mengambil berat di atas kepentingan rakyat diberi tanggungjawab ini untuk membantu Kerajaan yang didokong oleh mereka.

Peruntukan ini dahulunya cuma berjumlah sebanyak \$50,000 bagi tiap-tiap kawasan Parlimen tetapi oleh kerana memandangkan kepada banyaknya projek-projek kecil yang telah dikemukakan oleh rakyat di seluruh negara dan juga oleh kerana harga barang-barang yang telah meningkat naik, maka

pihak Kerajaan telah bersetuju mulai daripada tahun 1978 untuk menambahkan peruntukan itu sebanyak \$50,000 lagi, menjadikannya sebanyak \$100,000 setahun berdasarkan kepada kawasan Parlimen. Peruntukan untuk rancangan ini akan dibuat tiap-tiap tahun.

Adalah tidak munasabah bagi parti yang memerintah mengharapkan kepada Ahli-ahli Pembangkang untuk membantu bagi menentukan projek-projek ekonomi serta projek-projek kecil yang lain sedangkan pada hakikatnya mereka itu menentang dasar parti yang memerintah. Kerajaan adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan oleh kerana ianya telahpun diberi mandat untuk menjalankan rancangan pembangunan mengikut dasar yang telah disokong dan diterima oleh rakyat bersesuaian dengan perancangan yang telah diatur itu.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Disebabkan peruntukan itu adalah dikeluarkan daripada Perbendaharaan negara kita melalui Jabatan Perdana Menteri dan peruntukan itu hanya dikhaskan kepada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, adakah Yang Berhormat sedar bahawa amalan ini adalah merupakan satu perkara "abuse of power" dan juga dari segi demokrasi ini merupakan satu tindakan diskriminasi politik terhadap parti Pembangkang.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu tidak tepat kerana kalau dia faham apa yang saya terangkan tadi, peruntukan ini disalurkan kepada Jabatan Perdana Menteri ialah untuk seluruh kawasan dalam negara kita, tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional diberi kesempatan untuk mengemukakan cadangan-cadangan dan sekiranya didapati bahawa rancangan yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional itu berfaedah dan menguntungkan bagi rakyat, maka Jabatan Perdana Menteri dengan diperakui oleh Pegawai Kemajuan Negeri masing-masing akan meluluskan projek-projek tersebut, bahkan peruntukan ini meliputi semua kawasan termasuk kawasan Kota Melaka.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, peruntukan \$100 ribu yang diberikan kepada tiap-tiap kawasan Parlimen itu adakah untuk kepentingan Ahli Yang Berhormatkah atau untuk kepentingan penduduk dalam kawasan Parlimen itu?

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa jelaslah Yang Berhormat Menteri menerangkan tadi projek-projek kecil bagi kawasan Parlimen bukan diberi kepada Ahli Yang Berhormat itu.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya faham bahawa \$100 ribu yang diberikan kepada Ahli Yang Berhormat itu untuk mengekalkan Ahli Yang Berhormat itu supaya dipilih oleh rakyat pada masa akan datang, kalau tidak ada projek, Ahli Yang Berhormat tak boleh bagi, maka dia takkan dipilih pada masa yang akan datang. Itu maksudnya. Jadi yang saya bertanya sekarang ini untuk kepentingan rakyatkah atau untuk kepentingan Ahli Yang Berhormat itu sendiri maka \$100 ribu diberi oleh Kerajaan itu.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar itu faham benar mengenai peruntukan ini, kerana diapun pada masa dahulu termasuk dalam Barisan Nasional, sekarang ini barangkali merasa kesal kerana tidak lagi mendapat peluang-peluang seumpama ini sesudah berpindah ke tempat lain. Peruntukan ini adalah semata-mata untuk kepentingan rakyat. Itulah tanggungjawab kami dalam Barisan Nasional.

Tuan Shaari bin Jusoh: Soalan tambahan. Mengikut apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar tadi peruntukan \$100 ribu ini untuk mengekalkan seseorang wakil rakyat mesti dipilih. Jadi setahu saya peruntukan ini telah berlaku sejak tahun 1978 bererti sebelum pilihanraya 1978. Saya ingin bertanya Menteri Kewangan, adakah kesemua wakil rakyat Barisan Nasional, 1978 dipilih ataupun dicalunkan oleh Barisan Nasional pada 21hb Jun yang lepas berdasarkan kerana dia dapat peruntukan Parlimen?

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain.

Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dalam jawapan Yang Berhormat Menteri Kewangan tadi ada sedikit macam prasangka iaitu seolah-olahnya parti Pembangkang tidak langsung menyokong walaupun untuk membuat jalanraya dan sebagainya atau membuat projek-projek kecil yang memberi manfaat kepada rakyat. Jadi, di atas dasar itu maka ahli-ahli parti Pembangkang seolah-olah tidak diminta pendapat langsung untuk kebaikan rakyat dan menjalankan projek-projek yang sesuai padahal mereka mewakili rakyat di kawasan itu. Oleh sebab pandangannya atau asas yang mendiskriminasi Pembangkang dalam soal ini tidak wajar, maka apakah alasan yang lain untuk tidak memberikan peruntukan, atau tidak diambil pandangan Pembangkang dalam soal ini.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, sayapun tidak fahamlah apa kita perbuat dalam Dewan ini, dalam Dewan ini kita bincang, kita bahas berbagai-bagai masalah yang menyetuh rakyat dan kita sentiasa memberi perhatian berat segala pandangan yang bernas dan berguna apabila diutarakan oleh mana-mana Wakil Rakyat dalam Dewan yang mulia ini. Jadi, tidak timbul soal kita berdiskriminasi terhadap pihak Pembangkang. Apa yang saya sebutkan tadi Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional sebagai ejen pembangunan Kerajaan bolehlah mencadangkan rancangan-rancangan kecil itu untuk ditimbang oleh Jabatan Perdana Menteri.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Bolehkah Ahli Pembangkang ini menjadi ejen Kerajaan untuk mengesyorkan pembangunan untuk luar bandar? (*Ketawa*).

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tak tahulah dia sudah ada banyak ejen, dan kalau mengenai ejen dari luar, nampak nanti bahaya pula (*Tepuk*).

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita semua di sini adalah ahli-ahli yang mewakili—yang dipilih oleh rakyat bukan hanya sahaja dari pihak Barisan Nasional. Wang yang disalurkan . . .

Tuan Yang di-Pertua: Tak usahlah banyak berucap, soal tambahannya apa?

Tuan Chan Teck Chan: Saya hendak terangkan dahulu baharu hendak tanya.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah terangkan lagi kerana sudah jelas.

Tuan Chan Teck Chan: Saya fikir wang yang disalurkan kepada Jabatan Perdana Menteri ini adalah wang rakyat bukanlah wang Barisan Nasional, maka adakah Yang Berhormat sedar apa yang mereka buat hari ini adalah merupakan satu tindakan abuse of power, itu bukan wang Barisan Nasional tetapi wang rakyat, wang kita semua.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, kita faham dan sedar oleh kerana kita memerintah negara ini sejak tahun 1955 lagi dan kita faham bahawa setiap sen yang ada di dalam Tabong Khazanah Kerajaan ini adalah kepunyaan rakyat, sebab kita bertanggungjawab itulah maka kita dipilih tiap-tiap kali pilihanraya kerana rakyat percaya kepada kecekapan pentadbiran kita (*Tepuk*). Dan kalaulah Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mendakwa bahawa kita telah menyalahgunakan kuasa dalam menggunakan wang ini, saya suka menyangkal tuduhan itu oleh kerana kita telah memberi perhatian kepada semua rakyat, tidak kira di Kota Melaka, di bandar Kuala Lumpur ataupun di mana-mana; rancangan besar, rancangan kecil, kita selalu beri layanan. Apa yang dibeza-kan di sini ialah sebagai ejen pembangunan Kerajaan, Wakil-wakil Rakyat daripada Barisan Nasional diberi peluang untuk mengemukakan cadangan-cadangan kepada Jabatan Perdana Menteri, itu sahaja.

PENGGUNA-PENGGUNA TALIPON

4. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa servis yang diberi oleh Jabatan Telekom terhadap pengguna-pengguna talipon tidak memuaskan. Untuk memperbaiki jentera pentadbiran Jabatan Telekom, samada Kerajaan akan melantik Perunding Bebas untuk membuat kajian secara menyeluruh serta memberikan syornya, sekiranya perlu dirombak jentera pentadbiran Jabatan tersebut sesuai dengan bayaran dan khidmat yang diberi kepada orang ramai. Jika tidak, mengapa.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Leo Maggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa ada beberapa

kekurangan dalam servis yang diberi oleh Jabatan Telekom kepada pengguna-pengguna talipon disebabkan Jabatan Telekom mengalami perkembangan yang pesat semenjak akhir-akhir ini. Oleh yang demikian, jentera pentadbiran Jabatan Telekom perlu diperbaiki sesuai dengan perkembangan yang pesat ini.

Pada pandangan Kementerian untuk membaiki jentera pentadbiran Jabatan Telekom ini tidak perlulah dilantik perunding bebas, kerana perkara ini boleh diperbaiki sendiri oleh pihak pengurusan Jabatan Telekom. Oleh itu langkah penyusunan semula (reorganisation) bagi Jabatan ini sedang disediakan oleh Ketua Pengarah Telekom untuk menyesuaikan pentadbiran Jabatan Telekom itu dengan perkembangan-perkembangan baharu ini. Kementerian saya akan mengkaji cadangan penyusunan ini bersama dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain dan adalah diharapkan dapat diselesaikan tidak lama lagi.

PENDATANG HARAM

5. Tuan Lee Boon Peng (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan berapa orang majikan yang memberi kerja kepada pendatang haram telah didakwa di Mahkamah.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini seramai 16 majikan telah didakwa di Mahkamah dan didenda sejumlah \$3,750 kepada 10 majikan.

SEMINAR EKONOMI KAUM CHINA

6. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau sedar tentang Seminar Ekonomi kaum China di Malaysia yang telah diadakan di Hotel Federal Kuala Lumpur pada 9hb April, 1978 dan jika ya, adakah Kerajaan akan menimbangkan untuk menubuhkan beberapa jawatankuasa bertindak untuk melaksanakan beberapa usul-usul dan keputusan yang telah tercapai di seminar itu.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, saya adalah sedar tentang seminar Ekonomi Kaum China yang telah diadakan

pada 9hb April, 1978. Walau bagaimanapun sehingga hari ini pihak Kerajaan belum lagi menerima dengan rasimnya usul-usul yang dirumuskan dalam Seminar tersebut. Oleh yang demikian masalah berkaitan dengan menimbang dan melaksanakan usul-usul tersebut tidaklah timbul.

Walaupun demikian, sukalah saya memberi jaminan bahawa pihak Kerajaan sentiasa sedia menimbang usul-usul atau cadangan-cadangan yang menasabah berkaitan dengan pembangunan ekonomi negara ini, samada usul-usul atau cadangan-cadangan tersebut diterima melalui rumusan-rumusan seminar atau orang perseorangan.

Tuan Chan Teck Chan: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa setiap seminar ekonomi yang diadakan oleh UMNO maka syor-syornya atau resolusi-resolusi yang diterima, kemudian Kerajaan akan menubuhkan Jawatankuasa untuk mengkaji dan menerimanya, maka apakah sebabnya usul-usul atau syor-syor yang dikemukakan oleh pihak yang juga terdiri daripada rakyat kita tidak dapat diterima atau ditimbang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah jawab tadi. Duduk dahulu! Usul-usul itu belum diterima atau sampai kepada pihak Yang Berhormat Menteri.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan saya begini, bila Seminar Ekonomi UMNO diadakan, Kerajaan automatik, tidak usah tunggu menerima syor-syor ini, ia terus akan menimbang dan kemudian menerima untuk dilaksanakannya tetapi dari pihak yang berkenaan yang tersebut dalam soalan No. 6 ini, Kerajaan tidak berbuat begitu.

Tuan Yang di-Pertua: Mana tahu automatik atau tidak automatik, boleh jadi dia suruh terus hantar.

Tuan Chan Teck Chan: Kerana pelaksanaannya Kerajaan telah jelas.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi usul-usul dari Seminar Ekonomi Kaum China belum diterima dengan rasminya oleh Kerajaan. Sebaliknya apa-apa usul yang berbangkit daripada seminar UMNO atau lain-lain, barangkali sudah dikemukakan dengan

rasminya kepada Kerajaan untuk ditimbang, jadi ini bukan automatik. Kalau usul itu tidak dikemukakan kepada Kerajaan, tindakan tidak boleh diambil.

PEMBESARAN LAPANGAN TERBANG SENAI

7. Tuan Lee Boon Peng minta Menteri Pengangkutan menyatakan samada Kerajaan merancang mempercepatkan pembesaran Lapangan Terbang Senai sebagai sebuah lapangan terbang antarabangsa, memandangkan percakapan-percakapan baru-baru ini dengan Kerajaan Singapura berhubung dengan bilangan hak-hak pendapatan di Singapura.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mempunyai cadangan bagi memperluaskan penggunaan Lapangan Terbang Senai bagi penerbangan dalam negeri dan juga antarabangsa untuk penumpang dan kargo. Bagi tujuan ini Kerajaan telah menubuhkan satu pasukan petugas untuk menyelaraskan kerja-kerja di Lapangan Terbang tersebut dan kemudahan-kemudahan bagi pengangkutan dan jalanraya di antara Senai dengan Johor Bahru. Cadangan ini telah dibuat oleh Kerajaan atas dasar kepentingan dan kehendak negara dan bukannya bergantung di atas hasil rundingan Perkhidmatan Udara di antara Malaysia dengan Singapura.

KERETA-KERETA KEPADA ANGKATAN TENTERA/POLIS

8. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau sedar Kerajaan telah membekalkan kereta-kereta jenis Alfa Romeo dan Volvo kepada Angkatan Tentera dan Polis serta ketua-ketua jabatan dan akhir-akhir ini kereta-kereta jenis Ford Cortina 1.6 dan 2.0 pula dibekalkan. Jika ya, apakah yang akan jadi kepada kereta-kereta lama itu dan berapa jumlah wang yang telah dibelanjakan untuk membeli kenderaan dalam tahun 1975 hingga 1978. Apakah langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan adalah sedar bahawa kereta-kereta jenis Alfa Romeo dan

Volvo telah dibeli untuk Angkatan Tentera dan Polis. Malahan kereta Volvo adalah dibeli sebagai kereta "pool" untuk semua jabatan-jabatan Kerajaan, dan kereta-kereta tersebut tidaklah dikhaskan kepada ketua-ketua jabatan. Dalam tahun 1977 selain daripada kereta Volvo, Kerajaan juga telah membeli kereta-kereta Ford Cortina Ghia 2.0 untuk kegunaan jabatan-jabatan. Kereta Alfa Romeo pula telah dibeli khas untuk tugas-tugas perondaan Polis Di Raja Malaysia dan juga untuk Bahagian Pencegah Penyeludupan, Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja. Kereta ini tidak dibekalkan kepada lain-lain jabatan. Kereta Volvo dan Cortina Ghia 2.0 telah dipilih oleh Kerajaan hasil daripada suatu urusan tender. Pilihan tersebut adalah berasaskan kepada harga dan perincian-perincian teknikal yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Kerajaan telah memilih dua jenis kereta untuk kegunaan jabatan-jabatan sebagai satu langkah untuk mengelak daripada terikat kepada sesuatu jenama sahaja. Kereta jenis Alfa Romeo pula dipilih hasil daripada satu ujian yang dilakukan oleh Polis Di Raja Malaysia ke atas beberapa jenis kereta. Alfa Romeo telah didapati oleh Polis Di Raja sebagai paling sesuai untuk kegunaannya.

Kereta-kereta lama yang disahkan sebagai tidak lagi ekonomik dari segi penyelenggaraan adalah dijual kepada orang ramai melalui tender terbuka. Jumlah perbelanjaan Kerajaan dari tahun 1975 hingga 1978 untuk tiga jenis kenderaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu ialah \$12,769,469.96c.

PENUNTUT-PENUNTUT PEREMPUAN

9. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Pelajaran menyatakan berhubung dengan kenyataan yang dibuat baru-baru ini oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia bahawa terdapat setengah-setengah penuntut perempuan tidak mahu belajar jika guru-guru lelaki yang mengajarnya, tidakkah Kementerian ini terfikir akan hal ini dan jika ya, apakah langkah-langkah Kementerian ini bagi mengatasi perkara tersebut dari berleluasa.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran menyedari kemungkinan ada sebilangan kecil penuntut-penuntut perempuan tidak mahu belajar jika guru-guru

lelaki mengajar mereka. Bagi mengatasi perkara tersebut sekiranya berlaku di sekolah-sekolah Kementerian ini akan memberi nasihat dan penerangan kepada penuntut-penuntut yang berkenaan melalui pentadbiran sekolah iaitu seperti Guru Besar, Guru Ugama dan Guru Panduan. Sebagai menyekat supaya kejadian tersebut daripada berleluasa baru-baru ini bahagian ugama Islam Kementerian Pelajaran telah menubuhkan yunit dakwah bagi memastikan bahawa murid-murid hanya menerima ajaran-ajaran Islam yang sihat dan membanteras ajaran-ajaran yang merugikan kepentingan masa hadapan para pelajar.

Tuan Umar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri sedar bahawa ada pelajar-pelajar lelaki dan perempuan yang tidak mahu mengikuti mata pelajaran pendidikan jasmani dan kegiatan-kegiatan sukan di sekolah-sekolah menengah. Jika ia, apakah tindakan selanjutnya?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini terkeluar sedikit daripada soalan asal. Soal asalnya berhubung dengan murid perempuan tidak mahu belajar jika guru lelaki yang mengajar. Ini lain sedikit.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah pihak beliau telah membuat penyiasatan samada perkara-perkara ini timbul daripada hasrat murid-murid itu sendiri ataupun telah didorong atau dihasut oleh sesuatu pihak yang berkenaan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini ada dilaporkan atau telah disampaikan kepada Kementerian bahawa ada kejadian semacam ini. Jadi di masa sekarang kitapun ada membuat penyiasatan tetapi oleh kerana perkara ini barangkali penting, oleh sebab itu kita bagi di masa sekarang kitapun ada membuat/pihak Kementerian Pelajaran kita telah ambil tindakan supaya perkara ini tidak berleluasan.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, tadi Timbalan Menteri ada menyebutkan ajaran Islam yang sihat. Saya hendak tahu dari beliau samada ada ajaran Islam yang tidak sihat. Sebenarnya yang saya tahu ajaran Islam semuanya betul. Pertanyaan

saya ialah adakah Timbalan Menteri itu dapat menghuraikan kerana definasi ajaran Islam yang sihat dengan yang tidak sihat itu, boleh menimbulkan kekeliruan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, kita semua tahu ajaran Islam itu semua sihat tetapi kita mahu jadikan ia lagi sihat. *(Ketawa)*

Tuan Hashim bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Akhir-akhir ini terdapat banyak sangat kanak-kanak sekolah yang ponteng sekolah terutama sekali murid-murid sekolah lelaki. Adakah ini disebabkan guru-guru perempuan mengajar mereka, maka mereka tidak berani hendak pergi ke kelas. Berbalik kepada soal asal tadi, adakah murid-murid lelaki ponteng sekolah ini oleh kerana guru perempuan mengajar mereka, mereka tidak sanggup pergi belajar.

Tuan Yang di-Pertua: Ini bukan sahaja terkeluar daripada soalan asal, terbalik pula. *(Ketawa)*

Tuan Hashim bin Endut: Maudhu'nya sama, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Maudhu' tidak sama. Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak jawab juga.

Dato' Chan Siang Sun: Pening kepala saya, Tuan Yang di-Pertua. *(Ketawa)*

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa peristiwa yang telah berlaku, Kementerian telah membuat penyiasatan. Saya suka hendak bertanya samada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan telahpun menentukan sebab-sebab hasil daripada kajian itu sebab-sebab mengapa perkara-perkara itu telahpun berlaku.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab tadi, kita masih menyiasat.

Tuan Abdul Shukor bin Haji Siraj: Tuan Yang di-Pertua, mengikut penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran, benar perkara ini ada berlaku. Jadi berapa peratuskah di antara

sekolah-sekolah dalam Malaysia ini yang terlibat dengan perkara murid perempuan tidak mahu belajar kepada guru lelaki.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan ini berkehendakkan notis barangkali.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sudah jawab dalam jawapan saya: "sebilangan kecil".

Tuan Yang di-Pertua: Dia hendak peratus.

Dato' Chan Siang Sun: Peratus itu, saya minta notis.

Tuan Nakhai bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Timbalan Menteri Pelajaran tadi menggambarkan seolah-olah sikap setengah-setengah pelajar lelaki yang tidak mahu belajar kepada guru-guru perempuan itu seolah satu perkembangan yang tidak sihat. Apakah alasan-alasan beliau bahawa sikap itu tidak sihat samada alasan-alasan itu dari segi ekonomi atau dari segi akhlak dan dari segi yang lain-lain.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, barangkali ada alasan-alasan yang tertentu oleh sebab itu sehingga masa ini kita masih menyiasat perkara ini. Jadi oleh kerana kita hendak menyekat perkara ini daripada menjadi besar oleh sebab itu kita mengambil langkah sekarang sekurang-kurangnya untuk menahan perkara ini menjadi berleluasa. Barangkali dari segi akhlak ada kaitannya. Jadi oleh sebab itu kita mengatakan pengajaran Islam sangat mustahak.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, adalah dimaksudkan bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan perkara ini sedang dikaji maka oleh sebab itu sebab musabab mengapa perkara itu berlaku masih belum dapat ditentukan lagi. Adakah itu sebabnya bahawa perkara ini sedang dikaji.

Dato' Chan Siang Sun: Ya.

Tuan Hussein bin Mahmood: Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi telah memberi tahu bahawa jumlahnya kecil, tetapi supaya perkara ini jangan jadi panik di seluruh negara terutama sekali umat yang berkenaan bolehkah kalau saya tawar di sini Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kecil ini dapat diberi tahu peratusnya, kalau dapat.

Tuan Yang di-Pertua: Dia kata peratusnya berkehendakkan notis, sebahagian kecil sahaja katanya.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Soalan tambahan. Saya ingin tahu murid-murid perempuan yang tidak hendak belajar dengan guru-guru lelaki ini adakah terlibat semua kaum ataupun satu kaum sahaja?

Dato' Chan Siang Sun: Semua kaum.

Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad: Tadi Yang Berhormat Menteri berkenaan mengatakan bahawa langkah-langkah akan diambil. Tetapi beliau tahu bahawa sehat atau tidak sehatnya. Jadi di atas asas apa langkah-langkah itu diambil kalau tidak tahu sehat atau tidak sehatnya, hendaklah ditentukan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia kata dalam kajian lagi. Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menjawab?

Dato' Chan Siang Sun: Saya akan siasat.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa ada berlaku di mana penuntut-penuntut perempuan tidak mahu belajar jika guru-guru lelaki yang mengajarnya. Apa yang saya hendak tanya ialah apakah bentuk, apakah maksud yang dikatakan bahawa pelajar-pelajar ataupun penuntut perempuan tidak mahu belajar, apakah yang dimaksudkan dengan tidak mahu belajar itu?

Tuan Yang di-Pertua: Yang menyoal bukan Yang Berhormat Timbalan Menteri, tetapi Yang Berhormat dari Kangar (*Ketawa*). Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab, yang menyoalnya Ahli Yang Berhormat yang di sebelah.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Speaker, yang sebenarnya Yang Berhormat Wakil dari Kangar telahpun menyatakan kepada saya apakah bentuk sebabnya. Saya cuma hendak membandingkan samada bentuk yang dicakapnya sama dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri (*Ketawa*).

Dato' Chan Siang Sun: Barangkali Ahli Yang Berhormat dari Kangar itu segan, jadi barangkali Yang Berhormat itu bertanya bagi pihak dia.

UNIVERSITI MERDEKA

10. Tuan Lim Cho Hock (*di bawah S.O.24*)
(2) minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) sebab-sebab sebenarnya permohonan oleh sebuah badan swasta untuk menuhkan sebuah universiti persendirian yang dinamakan Universiti Merdeka dan disokong oleh lebih daripada 4,000 persatuan-persatuan, kelab-kelab dan "guild-guild" orang-orang China di Malaysia ditolak oleh pihak Kerajaan;
- (b) samada beliau pernah berunding dengan pihak M.C.A. tentang permohonan ini dan jika ya, adakah pendapat dan pendirian pihak itu sama dengan pendapat dan pendirian beliau;
- (c) samada keputusan menolak permohonan itu oleh Kerajaan tidak bertentangan dengan kehendak rakyat Malaysia keturunan China yang telah menyuarakan kehendak mereka sejajar dengan peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan dan;
- (d) samada Dasar Pelajaran Kebangsaan tidak bertentangan dengan jaminan-jaminan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan tentang pelajaran dan penggunaan bebas bahasa-bahasa China dan Tamil.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, sikap Kerajaan atas soalan ini telah dihuraikan semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Petaling pada 12hb Oktober, 1978. Setakat ini, saya tidak ber-cadang menambah apa-apa atas sebab-sebab yang sama dijelaskan dahulu.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak seperti-nya dipersembahkan kepada Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka

Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya :

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Per-sidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Kelima.” (16hb Oktober, 1978).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu Dewan ini ditangguhkan pada petang semalam, Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah bercakap selama 8 minit. Saya menjemputnya kalau suka hendak menyambung ucapannya selama 12 minit lagi.

3.13 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih. Kalau tidak silap saya petang semalam, saya bercakap 7 minit sahaja (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Itu jam Yang Berhormat. Saya pakai jam yang di sana itu!

Tuan Shaari bin Jusoh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, menyambung ucapan saya petang semalam sebagaimana saya tegaskan segala projek Kerajaan tidak dapat berjalan dengan begitu lancar sekiranya kaki-tangan dan pegawai-pegawai tidak mencukupi. Dengan sebab itu saya tegaskan di sini sesudahnya Kerajaan dapat menyediakan berjuta-juta ringgit untuk mengadakan projek maka dengan sebab itu saya berharap juga kalaulah didapati pegawai-pegawainya tidak cukup hendaklah ditambah dengan seberapa segera. Buat kata orang janganlah kita sanggup membeli gajah sedangkan kotanya tidak dapat hendak dibeli, sedangkan harga kota dengan harga gajah itu amat jauh perbezaannya.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga saya berharap sebagaimana kita sama-sama maklum penduduk dalam Malaysia kita ini terdiri daripada kebanyakannya sebahagian besar daripada penduduk-penduduk luar

bandar dan kita tidak nafikan sebahagian besarnya Wakil-wakil Rakyat kita yang dapat membentuk Kerajaan hari ini boleh dikatakan sokongannya daripada penduduk-penduduk luar bandar juga. Maka dengan sebab itu sewajarnya sebagaimana dasar Kerajaan kita hari ini akan meninggikan taraf hidup penduduk luar bandar dengan seberapa cepat yang boleh walaupun kalaulah hendak dibandingkan dengan di masa yang lampau penduduk luar bandar hari ini amatlah jauh tingginya ataupun baiknya daripada masa yang lepas tetapi kalaulah dibandingkan balik dengan setengah-setengah penduduk di bandar maka amatlah kita ketinggalan dengan penduduk-penduduk di bandar dan sebahagian besar pendapatan luar bandar tidak lain dan tidak bukan ialah pertanian. Maka dengan sebab itu saya menyokong sangat sebagaimana Kerajaan kita bercadang baru-baru ini membentuk satu Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri berkenaan dengan pertanian.

Saya berharap sangatlah Kerajaan akan mengkaji dengan sedalam-dalamnya di segenap segi berkenaan dengan segi tanaman penduduk luar bandar apakah tanah yang sesuai ditanam dengan tanaman dan juga dikaji di segi pasaran. Sebab yang saya kata begitu kadang-kadang ada Pejabat Pertanian telah mengarah, memberi semangat yang kuat kepada penduduk luar bandar untuk menanam berbagai-bagai tanaman tetapi malangnya pasarannya tidak terjamin. Dengan sebab itu sebagaimana syor saya tadi hendaklah mengkaji dengan tempat yang sesuai ditanam tanaman dan kaji pula pasarannya adalah terjamin ataupun tidak akan khasnya sebagai penduduk yang datang daripada utara Malaysia khasnya Perlis yang berhampiran dengan Kedah di sini saya syorkan sekali lagi walaupun telah beberapa kali saya syor ataupun cadangkan kerana harga padi ini patutlah ditimbang semula, dinaikkan sekurang-kurangnya \$40 pada sepikul.

Saya berharap sangat, Tuan Yang di-Pertua, saya mengalami sendiri sebagai seorang pak tani, orang tengah dikatakan mengambil untung yang sangat banyak. Walaupun kadangkala Kerajaan ataupun pihak swasta sendiri telah membeli padi dengan harga yang begitu tinggi kadang-kadang sampai \$40 lebih tetapi selepas padi ada pada pak tani tidak lebih daripada 10% dengan alasan

pihak swasta atau pengilang tadi akan menaikkan harga beras yang begitu tinggi. Akhirnya pak tani juga menjadi mangsa, kerana yang mahalnya tidak lebih daripada 10% padi yang ada dan pengguna beras juga jadi mangsa kerana terpaksa beli beras dengan harga yang mahal.

Dengan sebab itu saya berharap sangatlah janganlah dinaikkan harga padi sahaja, dibuat kajian dengan teliti dan kaji pula tentang potong-memotong kerana potong inipun kadang-kadang saya tidak erti dengan potong guni, potong basah, potong itu, potong ini, akhirnya padi yang sepikul tadi, padi yang dijual tidak lebih daripada 60 kati. Ini diharap sangat diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih pula segi keselamatan. Sebagaimana dicakapkan oleh Wakil dari Rantau Panjang semalam, saya bersyukur. Perlis juga berhampiran dengan sempadan dan menjadi pintu masuk kepada negara kita Malaysia. Saya berpendapat kalaulah di Kelantan, kalau tidak silap saya Pengkalan Chepa ada satu batalion Askar Melayu, di Perlis pun sudah kerap sangat disuarakan oleh pihak rakyat Perlis; bukan pihak sahaja, rakyat biasa Perlis bahkan kalau tidak silap saya disuarakan oleh yang sehabis tinggi sekali di Perlis—kalau hendak sebut orang ini tidak eloklah sangat. Pihak Menteri yang berkenaan pun biasa berjanji hendak memberi satu batalion di Perlis dan kalau tidak boleh beripun saya berharap sangat tempat-tempat yang diduduki oleh tentera-tentera; macam sekarang ada dua tiga kumpulan—satu di Padang Besar, dan yang satu lagi tentera tempatan di negeri Perlis dan di situ juga diduduki oleh UTM dan sebagainya, Tuan Yang di-Pertua.

Kalaulah ditengok kepada tempat mereka ini duduk, jalan hendak masuk ke tempat mereka ini amatlah sedih, sedih lebih daripada sedih.

Tuan Yang di-Pertua: Apa yang sedih lebih daripada sedih itu?

Tuan Shaari bin Jusoh: Sedih sangat. Kalau setakat sedih, sedih setakat biasa sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur kepada Tuhan kerana kita selalu ingat kepada Tentera dan Polis. Dalam ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong, hari Kemerdekaan 31hb Ogos

tiap-tiap tahun, Hari Raya Puasa dan Hari Raya Haji tiap-tiap tahun, dalam ucapan pucuk pimpinan negara ataupun ketua-ketua negara baik daripada Tuanku—maafkanlah saya; termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, kita selalu puji pihak keselamatan, baikpun askar ataupun polis. Saya ucapkan tahniah patut dipuji kerana ditabikkan Allah kerana merekalah kita aman, hidup bahagia dalam negara kita.

Tetapi kita jangan lupa dan saya percaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan banyak lagi pemimpin-pemimpin kita bukan sahaja Yang Amat Berhormat seorang, semua tidak lupa mereka ini, ada setengahnya tinggal anak isteri di rumah, tetapi mereka di dalam hutan. Kalau difikirkan untuk hendak puji sahaja, agak saya, hak kata orang; menang sorak, kalah sabung. Puji askar, puji polis, tetapi tempat tinggal di mana polis duduk khususnya di Bukit Keteri yang ditempatkan Askar Wataniah itu amatlah menyedihkan. Oleh sebab itu saya berharap kepada pihak yang berkenaan kalaulah satu batalion askar tidak dapat diadakan tetapi tempat yang ada hendaklah diperbaiki dengan seberapa yang cepat yang boleh dan dielakkan mengikot keadaan zaman sekarang ini dan elau-elau mereka itu pun perlulah dikaji semula serta dinaikkan lagi.

Saya, Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak dinaikkan elau askar ataupun gaji askar dan polis, saya rela bila-bilapun kerana keselamatan yang diberikannya itu, kita tidak nafikan. Tetapi kadang-kadang biasa disungutkan dan kita tahu peluang kenaikan gaji mereka kadang-kadang tidak berubah dari 10 tahun yang lepas hingga hari ini sedangkan harga minyak sudah berubah dan tidak dikawal. Itupun nasib baik, kadang-kadang tidak ada. Lebih-lebih lagi kita selalu menggunakan minyak diesel, selalu tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan keselamatan juga, saya bersetuju sangat sebagaimana yang dikatakan oleh rakan-rakan saya yang lain tadi, kita ambil tindakan seberapa keras yang boleh sebagaimana ada di dalam Perlembagaan, tetapi kita berharap kajian yang mendalam patutlah diadakan. Walaupun begitu, saya berasa bimbang, kerana perkara ini pernah berlaku di tempat saya sendiri di Perlis, 20 tahun yang lepas. Ada orang menerima upah atau saguehati kepada sesiapa yang memberi maklumat sehingga tertangkapnya orang yang membawa senjata itu akhirnya

tertangkaplah seorang manusia yang tidak begitu bersalah dengan dibawa oleh seorang lain, senjatapi yang berhampiran dengannya sebagai alasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap maklumat yang Kerajaan hendak terima, hendaklah dikaji terlebih dahulu latarbelakangnya, janganlah dengan kerana orang-orang yang hendak memberi maklumat itu disebabkan penganiayaan dan sebagainya, akhirnya yang tidak betul bersalah itu terkena aniaya.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap pihak pengedar dadah itu juga hendaklah diambil tindakan. Itulah harapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, bila saya baca surat-khabar, baik Utusan Melayu ataupun akhbar lain, saya tidak nampak satu hari pun tidak adanya berita kemalangan jalanraya. Minta maaf kepada pemberita akhbar kerana mereka ini melapurkan apa yang betul. Apabila kita buka akhbar pagi-pagi, ada sahaja berita kemalangan jalanraya. Kalau tidak di Kedah, Selangor, mahupun di Johor. Pendek kata, kemalangan itu agak saya dalam seminggu penuh dengan berita kemalangan jalanraya. Nampaknya begitu menarik berita kemalangan jalanraya itu di Malaysia ini. Saya berharap, undang-undang itu patutlah dikaji dari segenap segi. Satu tentang mendapatkan lesen. Saya percaya pihak RIMV sudah cuba mengatasinya. Saya ucapkan terima kasih, dan satu lagi saya berpendapat kita bukanlah hendak mengikut contoh negeri Siam. Sebagai manusia, kita boleh dapat contoh negeri mana kalau didapati perkara itu elok. Negeri Siam, setahu saya yang berhampiran dengan negeri kita dan berhampiran dengan saya duduk di sana dan didapati mereka takut hendak memandu. Pendek kata kalau seorang itu memandu, samada salah atau tidak, melanggar sahaja seorang manusia ia akan masuk ke dalam lock-up, tiga hari. Itu syaratnya di negeri Siam. Dengan sebab itu setiap pemandu sedia-lah berhati-hati dan berjaga-jaga. Tetapi kita di Malaysia ada manusia yang berkata, payah-payah kalau terlanggar tidak mati, hendak kena bicara beri mati terus, supaya senang kita bicara.

Itu yang harus diikuti oleh Malaysia. Apatah lagi orang yang dilanggar itu terdiri dari keluarga yang tidak berwang yang tidak dapat hendak ambil lawyer dan sebagainya, hendak bercakap sendiri sudah tidak tahu, akhirnya apabila dia dibicarakan, didapati

dia tidak bersalah. Dengan sebab itu saya berharap, patutlah peraturan ini diperketatkan walaupun tiap-tiap seorang dari kita mempunyai lesen memandu. Yang sedihnya, Tuan Yang di-Pertua, pemandu ini diibaratkan sebagai mentimun dengan durian. Kalaulah durian yang menggolek, timun yang jahanam. Begitulah pelanggaran yang selalu berlaku. Dan kerap kali berlaku di antara kenderaan yang besar khasnya lori. Ada juga dengar pelanggaran di antara lori dengan motosikal, tetap motosikal yang kena. Lori dengan motokar, motokar pi, tambah pula lori dengan orang, orang pi-lah! Pendek kata yang kecil sekali pi

Tuan Yang di-Pertua: Apa pi ini?

Tuan Shaari bin Jusoh: Pi ini maknanya menjadi mangsa. Pi ini kalimah pendek dengan mudah ia menjadi mangsa. Pendeknya segala-galanya akan menjadi mangsa, kena yang lebih kecil. Jadi dengan sebab itu, saya berharap sangat kepada lori supaya diambil perhatian juga. Jangan ditulis 35 bsj, lari sampai 60 bsj. Tetapi saya ingat sudah tidak sesuai dengan zaman ditulis 35 bsj. Barangkali polis pun tidak tangkap kerana tidak sesuai. Mengapa pakai 35 bsj kalau tidak sesuai ubahlah kepada 50 bsj supaya lebih tepat.

Dan satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini berlaku, asap di tepi jalan perlu dijaga dan di samping itu saya berharap pemeriksaan yang rapi hendaklah dibuat dengan teliti, sebab baru-baru ini berlaku di Perlis yang melibatkan saya sendiri dua bulan lepas. Kemalangan berlaku sampai 9 buah kenderaan serentak. Kata orang, bas yang berlanggar di situ kerana ada dua lori. Satu lori yang bawa buah limau dan satu lagi lori bawa ubat. Ubat ini kitapun tidak tahu, ubat dari negeri jiran.

Saya berharap supaya dapat diadakan satu alat khas mengenai perkara ini. Dengan yang demikian, segala muatan di dalam lori itu patutlah dikaji dengan teliti oleh kerana ini membawa keselamatan kepada kita bersama.

3.28 ptg.

Tuan Yusof bin Malim Kuning (Panti): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya pada petang ini. Sebagai seorang Ahli Dewan yang baharu, saya juga berhasrat

untuk bersama-sama menyokong di atas ucapan Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau yang telah melafazkan yang telah menjunjung kasih kepada Kenawah Duli Yang Maha Mulia di atas Titah Baginda dalam pembukaan Parlimen Penggal Kelima pada 9hb Oktober, 1978 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya banyak perkara-perkara dan pandangan-pandangan yang akan saya beri di dalam Dewan yang mulia ini tetapi memandangkan masa yang dihadkan oleh Tuan Yang di-Pertua sendiri hanya 20 minit tentulah pandangan-pandangan itu tidak dapat diberikan sepenuhnya pada masa ini. Tetapi walau bagaimanapun, saya akan cuba menyentuh beberapa perkara yang saya rasa penting yang akan saya bawa pertama sekali mengenai Titah Baginda begitu sukacita dengan pembangunan dan kemajuan yang telah kita capai di bawah pentadbiran Barisan Nasional yang mana beberapa kejayaan samada dari bidang ekonomi, bidang pelajaran dan sebagainya telah banyak kita capai.

Tuan Speaker, umpamanya di segi pelajaran walaupun kita baru sahaja berusia 21 tahun sejak mendapat kemerdekaan, tetapi kita telah dapat menunjukkan kepada dunia dan meyakinkan kepada rakyat bahawa dalam masa yang begitu singkat bukan satu dan dua universiti yang telah kita dirikan bahkan lima universiti. Ini kalau dibandingkan dengan masa yang begitu lama kita di bawah penjajahan, penjajah demi penjajah yang datang tetapi di Semenanjung Malaysia umpamanya tidak ada sebuah universiti pun diwujudkan. Tetapi dalam jangka masa yang begitu pendek pihak Kerajaan di bawah Barisan Nasional yang dahulunya Perikatan telah dapat mewujudkan lima buah universiti. Walaupun masih terdapat golongan-golongan yang menafikan kemajuan-kemajuan kita terutama sekali datang daripada pihak kacamata Pembangkang, DAP dan PAS umpamanya. Kita telah mendengar ucapan wakil-wakil mereka dalam Dewan yang mulia ini, mereka menuduh Kerajaan telah gagal dan sebagainya.

Tuan Speaker, saya menganggap bahawa Pembangkang-pembangkang itu seolah-olah macam keluang yang tidak boleh melihat sewaktu adanya cahaya matahari kerana mereka tidak nampak hakikat ini. Sebenarnya mereka sentiasa mencarut dan mencurahkan kekurangan dan kesalahan yang kita lakukan

dengan menafikan kemajuan dan apa yang telah kita buat. Ini tidak adil bagi pihak Pembangkang umpamanya telah melakukan tidak adil sama sekali sanggup menafikan segala apa yang kita buat dan hanya apa yang mereka lihat kekurangan-kekurangan dan memanglah dunia tidak dapat diwujudkan dalam satu hari.

Tuan Speaker, saya percaya sebagaimana Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, kemajuan dan rakyat kita telah dapat berdiri di atas kaki sendiri, mencapai kemajuan yang banyak. Punca kemajuan ini tidak lain dan tidak bukan mengikut pandangan saya ialah dari segi pelajaran yang mana golongan besar rakyat kita telah berpeluang mendapat pendidikan tinggi samada dalam negeri atau luar negeri. Ini sebagai punca dan sebelum itu boleh dikatakan akhir-akhir ini dalam Dewan yang mulia ini juga kita telah membesar-besarkan masalah pelajaran tinggi, masalah universiti sehingga ada golongan-golongan yang masih belum berpuas hati dengan universiti yang ada di hari ini dan masih ingin menambahkan satu universiti lagi yang bercorak perkauman sebagaimana yang diminta oleh pihak DAP. Namun demikian, Tuan Speaker, saya inginlah membawakan satu pandangan. Kita timbang juga berhubung dengan penambahan-penambahan universiti, pusat pengajian tinggi dan sebagainya.

Tetapi satu masalah yang saya harap pihak Kerajaan khasnya Kementerian Pelajaran mengambil perhatian yang agak berat dan serius sedikit, sebab sebelum anak-anak kita sampai ke universiti tentulah melalui proses-proses sekolah menengah dan rendah dan sebagainya. Apa yang menjadi masalah, terutama sekali saya bawa dalam kawasan saya dan saya percaya perkara ini bukan berlaku di kawasan saya sahaja bahkan termasuk kawasan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, terutama sekali di peringkat rendah dan menengah di kawasan-kawasan luar bandar terutamanya di kampung-kampung baru seumpama dalam FELDA dan sebagainya.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan yang mewujudkan sekolah-sekolah rendah dan menengah di luar bandar terutama sekali di kampung-kampung baru di dalam FELDA. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya harap keadaan yang ada sekarang ini begitu menyedihkan terdapat di sekolah-sekolah rendah dan menengah yang tidak

cukup kelengkapan-kelengkapan. Ada di antara murid-murid yang terpaksa belajar di kantin-kantin sekolah yang tidak cukup kelengkapan-kelengkapan. Jadi di dalam Dewan yang mulia ini saya merayu walaupun masa untuk perbincangan Belanjawan yang akan datang bolehlah pihak Kementerian Kewangan umpamanya memberikan peruntukan yang banyak sedikit kepada Kementerian Pelajaran. Tetapi pengundi-pengundi saya sendiri tidak sabar untuk menunggu hari Belanjawan dan meminta saya menyuarakan dalam Dewan yang mulia ini supaya menarik perhatian Kerajaan kerana perkara ini telah sampai ke peringkat yang mengaibkan dan menyusahkan rakyat kita di luar-luar bandar terutama sekali dalam kampung-kampung baru. Saya harap perkara ini akan dapat diambil tindakan segera oleh pihak Kerajaan khasnya Kementerian Pelajaran.

Tuan Speaker, saya ingin menyentuh di bidang agama yang mana Ugama Islam dicatitkan sebagai Ugama Rasmi Negara. Di sini saya mahu menyentuh berhubung dengan pelajaran asas atau pelajaran agama di peringkat sekolah-sekolah. Apa yang saya tahu hari ini pelajaran agama hanyalah diberi masa yang begitu terhad. Saya difahamkan hanya 120 minit sahaja dalam masa seminggu dan tiga kali seminggu, ini membawa erti hanya lebih kurang 40 minit sahaja pada sekali pelajaran itu. Jadi kita tidak hairanlah kalau anak-anak kita jahil dalam bidang agama dan berlakulah kerosakan akhlak di sana-sini, penyelewengan dan sebagainya. Ada pula penyelewengan di segi dakwah, dakwah songsang dan sebagainya, ini berpunca daripada kurangnya latihan-latihan asas terutama sekali waktu kanak-kanak masih kecil. Sebagai contoh ajaran agama kita sebagaimana yang dibawa oleh Junjungan kita Nabi Muhammad s.w.t. salah satu hadisnya Rasulullah pernah bersabda, Minta izin saya membaca dalam bahasa Arab, "Alimmu aulanakum besaba'in watrabu leaslim" maknanya: Ajar anak-anak kamu dalam masa dia berumur 7 tahun dan pukul dia dalam masa 10 tahun. Ini saya bawakan misal atau contoh bagaimana Islam melatih sehingga boleh Islam menghalalkan atau membolehkan anak-anak tadi dipukul bila sampai peringkat dan masanya, ini sebagai satu contoh, latihan itu mestilah dari kecil. Jadi dengan masa yang diuntukkan 120 minit itu saya minta pihak Kerajaan khasnya Kementerian Pelajaran

supaya ditimbangkan balik semula dan ajaklah ahli-ahli ilmu jiwa Islam, pemimpin-pemimpin Islam berunding berapakah masa yang sesuai untuk anak-anak kita belajar agama di sekolah-sekolah.

Tuan Speaker, saya ingin menyentuh di dalam masalah yang lain di mana Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ada menyebutkan dalam ucapannya berhubung dengan keadaan dadah yang begitu berleluasa yang mana boleh dikatakan dalam kajiannya kebanyakan yang terlibat dengan dadah ialah anak-anak bumi-putra, orang Melayu.

Tuan Speaker, apa yang saya hendak bawa di sini ialah berhubung dengan kejadian-kejadian yang saya percaya berlaku dalam negeri. Penagih-penagih dadah tadi sedang dan akan diambil tindakan oleh pihak-pihak tertentu, tetapi apa yang mendukacitakan keadaan yang berlaku akhir-akhir ini di mana imej negara kita Malaysia telah begitu terjejas, telah jatuh di mata dunia. Ini ialah disebabkan dengan adanya tangkapan-tangkapan penyeludup-penyeludup dadah ke Eropah, ke Amerika dan sebagainya disiarkan dalam surat khabar dunia dan disiarkan juga dalam akhbar tempatan mereka ini dari Malaysia. Jadi saya sukalah memberi pandangan kepada Kerajaan hari ini, mereka yang telah mencemarkan nama Malaysia di luar negeri ini selain daripada mereka itu dihukum setimpal dengan dosa yang dilakukannya, saya rasa adalah lebih baik kalau mereka ini yang diberikan taraf kerakyatan, saya mencadangkan supaya ditarik balik kerakyatan itu untuk memberikan ajaran kepada yang lain yang akan melakukan kesalahan yang sama.

Tuan Speaker, berhubung dengan keadaan dalam negeri ini amat mendukacitakan sedikit. Saya mengambil contoh di negeri saya sendiri di Johor umpamanya, hari ini boleh dikatakan penagih-penagih dadah sudah tidak dapat dikawal lagi. Ada pusat pemulihan diadakan. Kadang-kadang penagih-penagih ini bila ditangkap dan dihantar ke pusat pemulihan dua hari kemudiannya mereka akan balik ke rumah. Bila kita tanya apa sudah jadi, dia kata dia terpaksa dilepaskan keluar sebab pusat pemulihan itu tidak ada tempat untuk penagih atau untuk pemulihan, jadi terpaksa dikeluarkan. Akibatnya lebih buruk, budak-budak yang telah ditangkap dan dimasukkan di pusat pemulihan

ini dan dikeluarkan dengan alasan tidak ada cukup tempat untuk mereka keadaannya lebih buruk daripada sebelum dia itu dihantar ke pusat pemulihan sebab mereka berani bercakap apa Kerajaan boleh buat, saya sudah ditangkap dan dihantar ke pusat pemulihan, saya dipulangkan balik dengan tidak ada apa-apa kena denda dan sebagainya. Keadaan ini seolah-olah selain daripada menggalakkan dia sendiri akan menggalakkan kawan-kawannya yang lain supaya melakukan kesalahan. Saya harap pihak yang berkenaan akan mengambil berat. Kalau dalam negeri Johor hanya dua sahaja pegawai dadah ini dihantar saya harap banyakkalah sebab boleh dikatakan Johor salah sebuah negeri yang teruk sekali dilanda oleh penagih-penagih dadah ini.

Tuan Speaker

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya ada di sini! (*Ketawa*).

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Terima kasih. Seperkara lagi yang saya ingin sentuh berhubung dengan Dasar Ekonomi Baru yang mana dalam Rancangan Malaysia Ketiga di bawah Dasar Ekonomi Baru ada dicatitkan bahawa oleh kerana salah satu daripada tujuannya ialah untuk mengurangkan jurang perbezaan di antara kaum yang berada dengan yang tidak berada khususnya kaum bumiputra. Dengan sebab itu Kerajaan melancarkan satu Dasar Ekonomi Baru dan dasar ini dianggarkan dalam jangka masa sehingga tahun 1990 sekurang-kurangnya 30% ekonomi negara ini hendaklah berada dalam tangan bumiputra. Ini telah dijadikan bahan saya percaya oleh Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya daripada Barisan Nasional dalam masa kita menghadapi pilihanraya yang baru lalu. Boleh dikatakan setiap pemimpin kita mengatakan terutama sekali pemimpin UMNO untuk menyakinkan Ahli-ahli UMNO dan orang Melayu bahawa bumiputra diberi perhatian dalam jangka masa sehingga tahun 1990, 30% ekonomi negara ini akan berada di tangan kita, ini bahan kempen kita kepada rakyat. Samada tujuan untuk mendapatkan undi mereka itu satu perkara yang lain tetapi kita telah meyakinkan dan telah memberitahu rakyat dan rakyat telah percaya dan mengantungkan harapan kepada setiap kita, khususnya Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional. Oleh kerana memandangkan masa yang begitu ligat berputar barangkali tahun 1990 hanya lebih kurang 12 tahun

sahaja lagi dari sekarang sedangkan matlamat kita masih jauh. Jadi saya mengharap pihak Kerajaan akan benar-benar apabila sampai masanya kelak tidak akan menghampakan rakyat terutama sekali rakyat bumiputra yang tidak berada kerana kalau perkara ini tidak diambil perhatian berat, kalau diambil sambil lewa sahaja saya percaya dalam tahun 1990 kita akan dihukum oleh rakyat kita sendiri.

Tuan Speaker, pada hari ini dalam perlaksanaannya saya berasa bimbang, ragu-ragu tentang pencapaian matlamat ini dalam tahun 1990. Sebagai contoh, pada hari ini kaum bumiputra khususnya ingin mengambil bahagian dalam lapangan ekonomi, ingin berniaga bukan sahaja secara kecil-kecilan bahkan ingin berniaga secara besar-besaran. Tetapi apa yang menjadi malang khususnya kepada peniaga-peniaga kecil, bumiputra, sebagai contoh saya bawakan umpamanya peniaga-peniaga kecil. Saya percaya bukan di dalam kawasan pilihanraya saya sahaja bahkan boleh dikatakan perkara ini berlaku di serata kawasan melalui suratkhbar-suratkhbar yang kita dengar peniaga-peniaga kecil kita bumiputra sudahlah mereka boleh dikatakan tidak ada tempat langsung, kalau di dalam bandar-bandar lama kaum bumiputra memang tidak ada tempat lagi untuknya dan tidak hairanlah kalau hari ini umpamanya dalam kawasan saya sendiri di Kota Tinggi peniaga-peniaga kecil ini sentiasa sahaja menjadi orang buruan kepada Majlis-majlis Tempatan, Majlis-majlis Daerah dan Majlis-majlis Bandaran kerana mereka itu berniaga di mana sahaja yang mereka dapat, di lorong mana sahaja yang mereka boleh berniaga mereka berniaga. Tentulah tidak mendapat kebenaran sebab kalau minta kebenaran dengan pihak Majlis Daerah atau Majlis Bandaran tentu tidak dapat, terpaksa mereka berniaga di mana-mana lorong-lorong kecil dan mereka akhirnya menjadi orang buruan. Mereka ini adalah kebanyakannya pengundi-pengundi kita dan melalui Dewan yang mulia ini mereka minta supaya nasib mereka itu dibela.

Saya tidak mencadangkan supaya peniaga-peniaga kecil bumiputra ini diberi tempat khas macam zaman penjajahan dahulu diadakan Malay Bazaar umpamanya, diasingkan bumiputra berniaga dinamakan Malay Bazaar, akhirnya Malay Bazaar tidak menjadi guna kepada orang-orang Melayu. Saya tidak mencadangkan supaya mereka diasingkan

tetapi saya mencadangkan minta Kerajaan beri mereka tempat. Saya percaya dalam bandar-bandar lama, umpamanya dalam daerah saya Kota Tinggi dan lain-lain masih ada lagi tempat-tempat kalau tidak besar—kecil, yang tempat itu boleh dijadikan tempat perniagaan. Saya harap pihak Kerajaan akan bekukan tempat-tempat ini buat sementara waktu bagi memberi peluang. Saya percaya saudara-saudara kita kaum-kaum yang lain daripada keturunan Tionghua dan India tidak akan berkecil hati sebab mereka telahpun diberi tempat dan telahpun mendapat tempat selama ini. Kebanyakan bandar-bandar lama telahpun mereka mendapat tempat tetapi bagi rakyat bumiputra kita tidak ada tempat. Saya rasa mereka tidak akan berkecil hati kalau tempat-tempat yang masih lagi di celah-celah bangunan yang tinggi-tinggi itu kalau masih terdapat lagi tanah-tanah yang boleh didirikan tempat-tempat perniagaan haraplah dibekukan dan dipertimbangkan bagi permohonan kalau datang daripada kaum bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup!

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Speaker, terima kasih.

3.49 ptg.

Dr Tan Koon Swan (Raub): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul mengucapkan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke atas Titah Ucapan Baginda di dalam Dewan ini.

Dalam Titah Ucapan Baginda, Duli Yang Maha Mulia telah menyeru supaya negara bersatu padu memberi sokongan kepada usaha memenuhi semua polisi dan matlamat negara. Duli Yang Maha Mulia juga menyeru semua rakyat Malaysia berbilang keturunan di dalam negeri berganding bahu menyokong penuh usaha-usaha murni oleh Perdana Menteri yang dikasihi dalam memupuk semangat perpaduan di kalangan warganegara Malaysia.

Seruan Duli Yang Maha Mulia dibuat dengan nota yang serius yang menunjukkan kepentingan perpaduan untuk perkembangan yang teratur dan pembangunan negara secara aman. Sebagai junjung Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia, saya ingin berucap sedikit berkenaan perpaduan negara.

Apabila kita membincangkan pembentukan perpaduan negara di Malaysia yang masih muda dan berbilang kaum tidak bermakna mengukuhkan keadaan di mana tiap-tiap golongan bangsa menerima keperluan untuk menyamakan aspirasi-aspirasi dan kepentingan-kepentingan mereka dengan aspirasi-aspirasi dan kepentingan-kepentingan bangsa-bangsa lain. Kita bermakna menguatkan azam dan kebolehan pemimpin-pemimpin dari berbagai golongan bangsa untuk memerhatikan kehendak-kehendak yang berbeza, untuk mencari kompromi dan bukan konfrantasi, untuk merundingkan kompromi berasaskan logik dan pujuk dan bukan ancaman.

Kita bermaksud untuk menanggung satu pergerakan tetap menuju ke arah mengurangkan perbezaan dan memperluaskan lapangan persetujuan. Dalam masyarakat berbilang bangsa seperti masyarakat kita mesti ada prinsip-prinsip panduan untuk memberi ilham kepada perpaduan negara oleh kerana perpaduan hanya boleh dicapai dalam suasana toleransi dan persefahaman dan di dalam masyarakat yang mempertahankan keadilan dan peraturan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk selama 21 tahun sejak merdeka Kerajaan Malaysia telah berusaha tanpa penat dan lelah untuk menyatu-padukan negara kita. Perpaduan negara telah dititikberatkan dalam semua rancangan pembangunan, sosial, ekonomi, politik dan kebudayaan. Dalam waktu 10 tahun yang lalu satu mechanism dua dimension telah digabungkan dalam rancangan pembangunan kita dan perpaduan negara menjadi matlamat yang utama. Strategi-strategi yang mempunyai matlamat serampang dua mata seperti yang dicipta oleh perancang-perancang negara kita adalah bertujuan untuk membasmikan kemiskinan antara rakyat Malaysia dan menyusun semula struktur masyarakat untuk menghapuskan penge-nalan satu kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi dan kawasan. Falsafah ini menunjukkan kewajipan Kerajaan untuk mewujudkan sebuah negara yang bersatupadu, selamat, saksama serta progresif, satu kewajipan yang mengandungi jaminan bahawa dalam proses menyusun semula masyarakat tidak ada mana-mana golongan bangsa akan mengalami apa-apa kerugian atau merasai apa-apa kehilangan. Walaupun cara ini positif dan pragmatic, Tuan Yang di-Pertua, negara kita

masih menghadapi keraguan-keraguan tertentu. Walaupun pilihanraya telah dijalankan dengan licin, polarisation pada degree yang tinggi dalam corak mengundi adalah satu perkara yang sangat membimbangkan. Ia membayangkan bahawa di bawah gambaran tanahair yang tenang dan indah kita terdapat kegeloraan yang menimbulkan perasaan takut dan kurang selamat antara rakyat. Oleh kerana kegeloraan ini menimbulkan hasil-hasil yang bertentangan dengan usaha-usaha kita untuk mempercayai perpaduan negara, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengkaji bersama-sama Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini beberapa faktor yang saya percayai telah menyebabkannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan pelajaran sebagai satu perkara yang utama. Perkara ini sekarang dibincangkan oleh semua peringkat masyarakat di dalam dan di luar Dewan ini.

Saya ingin mengambil peluang ini mengulangi pendirian Barisan Nasional, khususnya M.C.A. terhadap usul yang diperkenalkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling di Dewan ini pada hari Selasa yang lalu. Penerangan yang berputarbelit telah menyebabkan rakyat menganggap bahawa Barisan Nasional termasuk M.C.A. membantah pembentukan institusi-institusi swasta pelajaran tinggi. Ini tidak benar. Apa yang kita bantahkan ialah usul untuk memindakan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971 supaya membolehkan pembentukan institusi-institusi pelajaran tinggi swasta. Alasan-alasan mengapa kita membantahkan usul itu ialah kerana Akta yang ada sekarang sudah pun mempunyai peruntukan bagi pembentukan institusi-institusi pendidikan swasta. Universiti-universiti swasta boleh ditubuhkan sekiranya Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong puas hati bahawa penubuhannya adalah dalam kepentingan negara dan kewajipan untuk berbuat demikian bergantung di atas penganjur-penganjur.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling memang sedar tentang hal ini. Ia mempunyai pengetahuan yang penuh tentang perkara ini dan oleh yang demikian usulnya ditinjau oleh Dewan ini sebagai satu langkah politik opportunism dan dengan demikian telah ditolak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan bahawa Barisan Nasional, khususnya M.C.A. tidak membantah pembentukan universiti swasta selagi ia selaras dengan kepentingan negara. Bantahan kuat kita ke atas usul yang dibentangkan pada hari Selasa yang lalu adalah kerana usul tersebut tidaklah perlu, menyesatkan dan tidak benar dalam kandungannya.

Tuan Yang di-Pertua, selepas saya menyatakan demikian, saya ingin juga memberitahu kepada Dewan ini dan juga kepada Kerajaan bahawa masalah-masalah yang bersangkutan dengan Kerajaan telah sampai kepada peringkat krisis di negara kita. Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap ini tanpa emosi, tanpa dengki dan tanpa prangsangka. Apa yang saya percayai patut dicapai supaya mencerminkan perasaan rakyat. Pada hari ini terdengar seruan rakyat di seluruh negara kita. Seruan ini boleh didengar di mana-mana sahaja. Rakyat berkehendakkan pelajaran, pelajaran pada semua peringkat.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya adalah menjadi kewajipan negara untuk mendidik semua warganegaranya. Mereka yang mesti dididiki dan mereka yang mencari pendidikan, perkara ini sangat penting kerana pelajaran adalah satu alat untuk mencapai kemajuan dan perkembangan dan merupakan batu asas di atas mana negara kita akan berdiri atau jatuh. Pelajaran tidak boleh ditinjau sahaja sebagai satu issue untuk memuaskan keperluan emosi kita. Ia mesti praktikal dan realistik dan dapat menyumbang kepada kemajuan negara.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat satu pepatah lama yang berbunyi dalam bahasa Inggeris, saya minta izin: "Give a man a loaf of bread, he eats for a day, teach him to make bread, and he eats a whole lifetime".

Kata-kata ini bermakna bahawa pelajaran adalah satu alat yang penting untuk mencapai kebebasan ekonomi seseorang. Di dalam erti yang lebih luas ianya membayangkan bahawa pelajaran adalah kunci kepada pembasmian kemiskinan. Saya tetap berpendapat bahawa oleh kerana pembasmian kemiskinan tanpa mengira bangsa adalah matlamat negara dan oleh kerana pelajaran adalah satu alat penting untuk mencapainya maka peluang-peluang pelajaran mesti diberi kepada semua warganegara tanpa mengira bangsa. Pelajaran adalah keperluan asas kepada seseorang, ia

juga merupakan hak asasi seseorang warga-negara. Saya ingin merayu kepada Kerajaan supaya mengkaji semula masalah ini dalam perspektif yang sewajarnya dan menyelesaikan dengan cara yang selaras dengan pragmatisme dan kebijaksanaan pemimpin-pemimpin kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa apabila Dasar Ekonomi Baru dibentuk pada tahun 970 bersama-sama

Tuan Yang di-Pertua: Tahun berapa Ahli Yang Berhormat?

Dr Tan Koon Swan: Bersama-sama dengan pelancaran Rancangan Malaysia Kedua.

Tuan Yang di-Pertua: Tahun berapa tadi, supaya jelas masuk dalam rekod. Kalau tahun 970 itu maknanya kurun kesepuluh. Tahun 1970 agaknya.

Dr Tan Koon Swan: Tahun 1970. Bersama-sama dengan pelancaran Rancangan Malaysia Kedua terdapat kekurangan yang serius dalam penyertaan kaum Bumiputra di berbagai jawatan dan di dalam pengambilan penuntut ke institusi pelajaran tinggi dan dengan demikian telah ditetapkan supaya lebih banyak peluang pelajaran tinggi hendaklah diperuntukkan kepada kaum bumiputra. Saya menyokong polisi ini dengan sepenuhnya, tetapi polisi ini hendaklah dijalankan semangat dan kehendak-kehendak seperti yang diisytiharkan oleh Kerajaan supaya mana-mana golongan bangsa tidak mengalami apa-apa kerugian atau merasakan apa-apa kehilangan. Warganegara lain yang mempunyai kelayakan yang sama dan ingin melanjutkan pelajaran mereka patutlah diberikan peluang-peluang untuk berbuat demikian. Sekiranya tempat-tempat yang ada dalam negeri tidak mencukupi maka penuntut-cemerlang hendaklah diberikan biasiswa atau pinjaman supaya menuntut di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir kunci kepada penyelesaian krisis pelajaran tinggi pada akhirnya mesti hasil dari perkembangan universiti dan kolej-kolej kami. Saya menghargai bahawa universiti-universiti dalam negara kita memerlukan satu tempoh untuk mengukuhkan kedudukan mereka disebabkan oleh perkembangan pesat yang dicapai pada tahun-tahun yang lalu tetapi pengukuhan ataupun konsolidasi ini mesti

dibuat serentak dengan satu rancangan pembangunan yang teratur oleh kerana permintaan untuk pendidikan tinggi adalah satu proses yang tidak tamat, adakah proses yang berkembang dan di dalam negara yang sedang membangun seperti negara kita di mana kadar pendapatan selalu bertambah, permintaan untuk pendidikan memang meningkat dengan pesatnya. Memandangkan kekurangan pekerja-pekerja teknikal dalam negeri pada masa sekarang adalah sesuai bagi kita pada peringkat pembangunan negara sekarang ini untuk menimbangkan kemungkinan menubuhkan lebih banyak kolej-kolej teknikal supaya lebih banyak pekerja mahir dapat dibekalkan untuk memenuhi permintaan yang makin bertambah bagi jurutera-jurutera dan pekerja-pekerja mahir untuk melaksanakan projek pembangunan.

Sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, dari segi perpaduan negara adalah mustahak bagi belia-belia kita diberi peluang untuk mengadakan integrasi sosial yang maksima, peluang untuk hidup bersama dengan bangsa lain supaya akan wujud persefahaman dan hormat-menghormati tentang latar belakang ugama dan kebudayaan masing-masing. Universiti-universiti kita diharap akan mengeluarkan pemimpin-pemimpin masa depan, pemimpin-pemimpin yang memahami nilai-nilai perpaduan negara kita dan keharmonian rakyat, pemimpin-pemimpin yang mempunyai pandangan dan fikiran yang sederhana, pemimpin-pemimpin yang boleh menentukan integrasi licin antara golongan ketika kita bergerak ke peringkat dewasa dalam pembinaan negara. Atas alasan ini sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru Kerajaan membukakan pintu universiti-universiti kita kepada semua kaum. Pengambilan penuntut-penuntut ke semua universiti dan kolej kita patutlah mencerminkan corak penduduk-penduduk berbilang kaum supaya satu keharmonian yang sesuai diwujudkan iaitu menambahkan bilangan kaum bumiputra dalam berbagai jawatan dengan menjamin perkembangan sebuah masyarakat yang bersatu-padu progresif dan kukuh.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya beralih kepada keadaan ekonomi yang berada di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat ada satu minit sahaja lagi.

Dr Tan Koon Swan: Pada masa ini yang mana saya percaya juga adalah satu perkara yang membimbangkan. Saya berasa gembira dengan strategi untuk membasmi kemiskinan. Kadar kemiskinan yang tertinggi terdapat antara penduduk-penduduk luar bandar khususnya di sektor pertanian tradisional di dalam pengeluaran adalah berasaskan kepada ladang-ladang kecil. Di kampung-kampung, di mana terdapat penduduk-penduduk Melayu yang mendiami rumah pondok mereka jauh antara satu dengan lain, keluarga-keluarga ini bekerja di ladang mereka dan kebanyakan jauh dari pekan-pekan. Walaupun banyak kampung-kampung yang telah dimodenkan sebahagian dari penduduk kampung masih terpaksa berjalan berbatu-batu ke jalanraya yang paling dekat supaya mendapat pengangkutan bagi menghantar hasil-hasil mereka ke pasar di mana hasil mereka dapat dijual. Banyak dari mereka tinggal di tepi sungai tanpa air paip, letrik, perkhidmatan ubat dan hiburan.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun langkah Kerajaan untuk meninggikan taraf hidup penduduk-penduduk kampung seperti membuka tanah baharu, memberikan bantuan kredit dan pemasaran patut diberi pujian tetapi banyak lagi boleh dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, masa sudah sampai.

4.11 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian dalam perbahasan atas usul mengucapkan terima kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang memrasmikan persidangan Parlimen ini.

Tuan Yang di-Pertua, semalam Ahli Yang Berhormat dari Sepang menuduh DAPlah yang bertanggungjawab untuk menimbulkan issue-issue perkauman di Dewan ini kerana usulnya yang mengemukakan satu Rang Undang-undang untuk meminda Akta U.U.C.A. pada 10.10.1978. Tetapi, saya mahu mencabar Ahli Yang Berhormat dari Sepang bahawa dimanakah satu perenggan atau bahagian usul ini DAP adalah menyentuh issue-issue perkauman seperti universiti China atau universiti perkauman? Sebenarnya. . . .

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (Sepang): (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ini untuk penjelasan?

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, bukannya satu-satu perenggan, keseluruhannya.

Tuan Chan Teck Chan: Sebenarnya yang menimbulkan issue perkauman ini bukanlah dari DAP, tetapi adalah dicituskan oleh Ahli Yang Berhormat dari Segamat merangkap Presiden MCA dengan memutar-belitkan kenyataan usul DAP, serta melemparkan pelbagai tuduhan tentang motif usul DAP dan misleading Dewan yang mulia ini, Kerajaan serta rakyat Malaysia amnya tentang usul DAP yang mahu melihat lebih banyak pusat-pusat pelajaran tinggi ditubuhkan supaya Kerajaan dapat ditolong untuk mengatasi masalah pelajaran tingginya serta mengurangkan perkembangan polarisasi kaum di negara kita.

Bukankah Ahli Yang Berhormat dari Kinabalu yang mempelopori untuk mendesak Kerajaan dan Dewan ini untuk meminda Artikel 152 dari Perlembagaan Malaysia. Juga beliau yang mendesak Kerajaan menutup dan menghapuskan semua sekolah aliran bahasa China dan Tamil, dan mendesak Kerajaan melarang papan-papan tanda ditulis dengan bahasa China, sehingga mendesak Kerajaan mengadakan satu dasar kebudayaan nasional yang bercorak perkauman, iaitu kebudayaan perkauman. Siapakah yang menimbulkan issue-issue perkauman yang serius ini, yang mungkin membawakan negara kita mengalami satu lagi peristiwa pertumpahan darah yang lebih dahsyat daripada Mei 13. Sebenarnya, suara-suara, pemikiran-pemikiran, idea-idea dan desakan-desakan yang ultra extremist dan perkauman inilah yang mengakibatkan keadaan polarisasi kaum Malaysia kian menggenting. Politik-politik oportunis inilah yang bertanggungjawab atas perhubungan rakyat Malaysia yang berbilang kaum ini kian menggenting.

Mengenai ucapan Ahli Yang Berhormat dari Kinabalu ini, saya dengan rasminya meminta Speaker merujukkannya ke Jawatankuasa Privilege untuk tindakan

yang sewajarnya, bila Jawatankuasa ini telah ditubuhkan kelak. Juga, saya mendesak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri-menteri yang berkenaan bertindak tegas dan segera untuk membawanya di bawah tuduhan Seditious Act, supaya rakyat Malaysia dapat diyakin dan dijamin bahawa sesiapa pun tidak boleh dikecualikan daripada menghadapi tindakan undang-undang ini bila mereka cuba melanggar Akta yang berkenaan atau cuba mempromosikan api sensitif dan perkauman. Saya berharap supaya Dewan ini dapat diberitahu bahawa apakah tindakan telah diambil terhadap kes yang serius ini.

Tuan Yang di-Pertua, pendek kata, MCA lah yang bertanggungjawab untuk segala issue kontroversi Universiti Merdeka ini, kerana sudah misleading Dewan yang mulia ini, lihat suratkhbar-suratkhbar pagi ini dan semalam, MCA semasa di luar Dewan memprotes membangkang keputusan Kerajaan atas issue Universiti Merdeka, tetapi di dalam Dewan ini, MCA menunjukkan lain mukanya. Sebenarnya, tujuan dan objektif penubuhan Universiti Merdeka telah diputar-belitkan oleh sege-lintir pemimpin-pemimpin: UMNO, dan MCA, kata mereka bahawa universiti ini hanya menggunakan satu bahasa, dan hanya terima satu kaum, tetapi tujuan dan matlamat yang sebenarnya adalah memorandum mereka ialah untuk semua kaum dan menggunakan tiga bahasa.

Saya sungguh merasa kesal bahawa sejak Malaysia mencapai kemerdekaannya selama 21 tahun ini satu jenerasi baharupun dilahirkan tetapi matlamat perpaduan rakyat kita masih jauh terbelakang, dan bukan sahaja rakyat yang berbilang kaum ini tidak berjaya disatu-padukan sebagai rakyat Malaysia tanpa pengiraan warna kulit dan keturunan bangsanya tetapi rakyat Malaysia kita telah dipecah-belahkan kepada dua golongan, iaitu rakyat bumiputra dan rakyat bukan bumiputra. Sebenarnya, dasar pemecahan rakyat dan kaum ini sangat kuatnya dicitum di sisi kehidupan rakyat Malaysia, juga sangat kuat terasa di bidang ekonomi, pelajaran, politik dan kebudayaan hari ini. Ini adalah merupakan satu kegagalan terbesar dalam proses pembinaan negara kita.

Memandangkan keseriusan issue-issue pembinaan negara kita ini, maka dalam soalan mulut, saya bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa adakah pihak Kerajaan akan menubuhkan sebuah Suruhanjaya Di Raja Perpaduan Rakyat (Royal Commission on National Unity) untuk mengesani sebab musabab yang mengakibatkan kegagalan matlamat kita. Tetapi saya merasa kesal bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersikap dingin terhadap cadangan saya ini, dan beliau sebaliknya menyindir saya bahawa adakah ketiadaan tandas di kawasan saya-pun hendak dicadangkan untuk menubuhkan satu Suruhanjaya. Mahu tak mahu, nampaknya sudah sampai masanya negara kita yang berada di simpang jalan ini untuk menubuhkan Royal Commission ini bagi meninjau dan mengkaji, jika perlu meng-overhaulkan dasar pembinaan negara kita, supaya segala masalah perpecahan rakyat ini dapat diselesaikan.

Di sini, saya perlu menyeru politikus-politikus oportunist ini, demi kepentingan negara kita untuk memberhentikan strategi perjuangan politiknya dengan "mewarnawarnikan issue-issue rakyat dan nasional sebagai issue-issue perkauman dan sensitif" hanya semata-mata demi kepentingan politikal sempitnya. Berapakah lamanya strategi perjuangan politik ini akan diteruskan atau hingga hari kiamat?

Dalam perbahasan selama ini, Tuan Yang di-Pertua, saya sering terdengar ucapan-ucapan dari pihak Barisan Nasional tentang Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan Dasar Pelajaran Kebangsaan. Tetapi

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, adakah benar tidak mahu menimbulkan soal perkauman, sanggupkah parti DAP tidak mengusulkan soal Universiti Merdeka di dalam Dewan yang mulia ini?

Tuan Chan Teck Chan: Saya akan jawab dalam usul saya yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang apabila sudah timbul perkara ini, semua tidak mengaku.

Tuan Chan Teck Chan: Tetapi adakah mereka ini sedari bahawa apakah yang mereka maksudkan dasar kebudayaan dan

pelajaran ini. Sebenarnya apa yang mereka maksudkan ini ialah merupakan satu dasar kebudayaan dan pelajaran yang bertentangan dengan Rukunegara. Disebabkan saya akan membincangkan dengan menyeluruh dan mendalam tentang Dasar Pelajaran Kebangsaan dalam usul saya yang akan dikemukakan pada bulan Disember, maka saya hanya menyentuh Dasar Kebudayaan Kebangsaan sahaja.

Menurut pentafsiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika beliau merasmikan penubuhan Majlis Kebudayaan, katanya: “. . . . konsep kebudayaan kebangsaan hendaklah dijadikan asas perpaduan rakyat yang berbilang bangsa ini. Sebenarnya, berbagai-bagai ciri-ciri masyarakat kita yang berbilang bangsa ini perulah dikaji, dipilih, ditimbang dan diterima dan menjadikannya sebagai salah satunya kebudayaan kebangsaan kita . . .”. Katanya lagi: “. . . . kebudayaan kebangsaan yang ideal yang akan dilahirkan bukanlah kebudayaan perkauman, tetapi adalah satu kebudayaan kemilikan semua rakyat Malaysia. . .”

Ini adalah satu konsep kebudayaan kebangsaan yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn. Nampaknya. . .

Tuan Yang di-Pertua: Dalam Parlimen ini tak sebut nama. Standing Orders kata jangan sebut nama.

Tuan Chan Teck Chan: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Nampaknya, kebudayaan yang dikemukakan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat ini sebenarnya adalah kebudayaan perkauman, tetapi bukanlah satu kebudayaan yang boleh diterima semua rakyat Malaysia. Saya perlu menegaskan bahawa baik Dasar Kebudayaan Kebangsaan atau Dasar Pelajaran Kebangsaan, ianya tak boleh dilahirkan dengan secara paksaan, tetapi adalah perlu melalui peraliran secara bebas. Saya mahu tegaskan di sini, bahawa kebudayaan perkauman ini baik ia kebudayaan yang berasaskan pada kebudayaan Melayu, atau China atau India ini tidak akan diterima mana-mana satu kaum, dan juga kebudayaan kaum ini tidak mungkin wujud lama di Malaysia yang berbilang kaum ini.

Tuan Yang di-Pertua, memang Ahli Yang Berhormat dari Sepang berhak untuk menaruh syak wasangka atau prasangka terhadap seseorang ataupun sesuatu badan dan kumpulan orang seperti yang ia mempersoalkan motif mesyuarat agung yang akan diadakan oleh pihak yang berkenaan pada 22hb bulan ini. Tetapi jangan terlupa motif beliau untuk memuji-muji dan men-dewa-dewakan Russia pun boleh dipersoalkan oleh rakyat juga, umpamanya adakah beliau merupakan jurucakap Russia, atau beliau cuba mempublisitikan kebaikan sistem pemerintahan komunisme Russia, atau dengan motif yang lain?

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Apa yang beliau cakap ini tidak sama sekali kena mengena dengan apa yang saya berucap.

Tuan Chan Teck Chan: Saya hanya mahu menegaskan, kalau seseorang boleh mempersoalkan motif seseorang, tentu motifnya akan dipersoalkan. Umpamanya dalam ucapannya ia ada memuji-muji sistem dan keadaan pemerintahan di Russia.

Tuan Yang di-Pertua: Ini tidak disebut. Cuba baca Hansard. Dia tidak sebut itu, dia hanya kata ia ingin kepada keamanan. Yang setahu saya dia tidak sebut.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, kalau

Tuan Yang di-Pertua: Jangan bertengkar dengan saya. Tarik balik!

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, kalau betul tidak disebutkan, saya akan tarik balik. Tetapi saya akan baca balik Hansard.

Tuan Yang di-Pertua: Yang orang tidak sebut, jangan sebut.

Tuan Chan Teck Chan: Bukan, saya ada dengar

Tuan Yang di-Pertua: Dengar tidak boleh, kabar angin ini, tidak boleh. Baca Hansard.

Tuan Chan Teck Chan: Perlulah kita semua sedari bahawa curiga-mencurigai dan bersikap prasangka terhadap ketaatsetiaan dan integriti seseorang ini hanya akan

mendatangkan balasan yang buruknya, maka demi kepentingan keharmonian dan paduan rakyat kita segala prasangka dan sikap kecurigaan ini perlulah diberhentikan dan ditinggalkan. Sebenarnya Ahli Yang Berhormat dari Sepang bolehlah menghadiri mesyuarat pada 22hb ini dan bolehlah ia menyaksikan dengan matanya sendiri tentang reaksi dan aspirasi rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyenutuh Dasar Ekonomi Baru. Sejak Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan lapan tahun lamanya, apakah kemajuan telah dicapai oleh Kerajaan untuk menurunkan kadar kemiskinan di Malaysia, khususnya kadar kemiskinan yang dihadapi oleh masyarakat rakyat yang miskin. Dasar Ekonomi Baru ini bukanlah ditujukan untuk menciptakan satu kelas bumiputra yang kaya, tetapi adalah ditujukan untuk membasmikan kemiskinan majoriti rakyat yang miskin, khususnya kaum bumiputra. Nampaknya Dasar Ekonomi Baru sudah ditafsirkan pelbagai makna dan caranya, jika keadaan ini tidak dicegahkan atau konsep Dasar Ekonomi Baru ialah untuk mencipta kekayaan dan kapitalis bumiputra ini tidak dibetulkan, maka apakah gunanya matlamat 30% penyertaan ekonomi kaum bumiputra dalam jangka waktu 1990 akan dicapai jika 30% kek ekonomi ini hanya terletak di tangan segelintir orang atasan sahaja, tetapi majoritinya masih begitu miskin dan tidak berubah nasibnya? Kes Bank Rakyat yang mengakibatkan kerugian sebanyak \$67.5 juta ini adalah merupakan satu kes yang typical untuk membuktikan kekuatan orang ramai adalah berasas.

Umpamanya di Melaka, banyak tanah-tanah telah dikeluarkan kepada sebuah syarikat swasta di bawah alasan Dasar Ekonomi Baru, tetapi majoriti rakyat yang miskin seperti kaum nelayan dan petani langsung tidak berpeluang untuk memperolehi sekeping tanah pun, juga banyak tanah diambil oleh S.E.D.C. di bawah alasan pembangunan dan Dasar Ekonomi Baru, tetapi tanah-tanah ini hanyalah diambil untuk kepentingan segelintir orang sahaja. Sebenarnya S.E.D.C. Melaka sudah dijadikan satu alat untuk mencipta satu masyarakat parvenu overnight di mana beberapa jutawan diciptakan melalui projek Malim Jaya dan lain-lain lagi. Apakah sebabnya perkara ini berlaku, apakah sebabnya banyak projek yang dijalankan yang

sebenarnya bertentangan dengan Dasar Ekonomi Baru ini diadakan dengan pelbagai tafsir terhadap Dasar Ekonomi Baru. Nampaknya, sudah sampai masanya untuk Kerajaan untuk mengkaji dan meninjau semula keseluruhan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ini, kerana ianya sudah membawakan pelbagai masalah dan kebimbangan terhadap cara pelaksanaannya dan matlamat yang dijadualkannya.

Saya merayu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat berinisiatif untuk menjalankan satu peninjauan dan pengkajian terhadap Dasar Ekonomi Baru ini supaya matlamat penyusunan semula masyarakat dan pembasmian kemiskinan ini dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua tahu bahawa sehingga peringkat sekarang ini Kerajaan masih menunjukkan kelemahan untuk memerangi korupsi yang sedang menjadi-jadi di negara kita. Sungguhpun di antara tahun 1975 hingga tahun 1978, saya sudah lebih sepuluh kali menulis kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan B.S.N. untuk menyasiat beberapa kes yang serius yang sudah berlaku di negeri Melaka, tetapi sehingga hari ini saya langsung tidak nampak apa-apa tindakan telah diambil oleh B.S.N. untuk menghadapkan ikan-ikan yu korupsi ini ke mahkamah. Di sini saya perlu memberitahu Dewan ini sungguhpun bekas Menteri Undang-undang ada menjawab satu surat kepada saya katanya tindakan sedang diambil untuk menyasiat kes Sri Lingga Sdn. Bhd. tetapi selepas tiga tahun yang berlepas rakyat negeri Melaka masih belum ternampak apakah tindakan telah diambil untuk menyasiat perkara yang serius ini. Di sini saya perlu menyeru kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bertindak dengan tegas untuk menjadikan B.S.N. ini sebagai badan yang bebas dan hanya bertanggungjawab kepada Parlimen sahaja supaya masalah korupsi di negara ini dapat diperangi dengan sehabis-habisnya oleh semua rakyat kita.

4.28 ptg.

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur ke hadrat Allah subhanahu wa-ta'ala kerana Kudrat dan IradatNya dapat saya menyertai Dewan yang mulia ini dan diberi amanah

dan tanggungjawab oleh rakyat untuk mengabadikan diri saya kepada ugama, bangsa dan tanahair saya sendiri. Saya bersyukur kerana saya berpeluang mengikut serta memperkatakan sesuatu mengenai usul Titah Di Raja yang sedang dibahaskan di hadapan kita sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kita baru sahaja selesai mengadakan satu pilihanraya umum untuk memilih Ahli-ahli Dewan ini dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri-negeri kecuali Sabah dan Sarawak. Pilihanraya Umum pada tahun 1978 tetap mempunyai kehebatannya walaupun tidak sehebat Pilihanraya Umum tahun 1969 dan tahun 1964 umpamanya, namun demikian bahangnya masih lagi terasa di setengah-tengah tempat hingga ke hari ini. Soal-soal yang dikelaskan sebagai issue-issue perkauman ketara sekali digunakan oleh pihak-pihak Pembangkang sewaktu mengadakan pilihanraya tersebut. Issue Universiti Merdeka umpamanya adalah menjadi pengetahuan umum tentang bagaimana ianya digunakan oleh pihak Pembangkang, khususnya pihak D.A.P.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berniat hendak melanjutkan soal ini pada kali ini kerana di samping ianya telah banyak disentuh dan mungkin banyak akan disentuh ianya juga akan kita sama-sama simpan untuk satu gelanggang lain yang akan dibuka pada akhir sidang ini. Saya juga insya Allah akan mencuba nasib di gelanggang ini nanti.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi kita baru sahaja mengalami satu Pilihanraya Umum pada tahun 1978. Setiap kali pilihanraya umum kesannya dirasai oleh rakyat jelata, rakyat ramai, malangnya tidak dapat memisahkan di antara kenyataan dan dakyah politik, modal pilihanraya oleh orang-orang yang sudah bangkrap modal politik mereka. Berbagai issue, berbagai pendapat, berbagai petua telah dikeluarkan sewaktu pilihanraya untuk tujuan-tujuan politik yang tertentu. Akibatnya sehingga hari ini, Tuan Yang di-Pertua, sedih sungguh untuk saya sebutkan di sini bahawa di setengah-setengah tempat yang tertentu pulau memulau jiran tetangga yang seugama dan sebangsa yang selama ini hidup rukun damai berkonfrantasi di antara satu sama lain kerana sebab-sebab mereka sendiri saya yakin tidak memahaminya.

Saya sendiri tidak berniat hendak mengemukakan perkara ini di Dewan yang mulia ini kerana banyak lagi masalah-masalah lain yang perlu dipersoalkan. Tetapi sayangnya perkara yang saya hendak pendamkan ini telah disentuh oleh sahabat karib saya daripada Pengkalan Chepa dua tiga hari yang lepas. Jadi terpaksa saya membetulkan rekod di sini bahawa untuk kawasan saya terutama sekali apa yang dikatakan pulau memulau itu hendaklah dibetulkan sebagai pemulauan dari satu pihak sahaja. Kedai si A yang kebetulannya pula menyokong Barisan Nasional umpamanya tidak dikunjungi oleh anggota yang terdiri dari parti politik yang menentang Barisan Nasional di dalam pilihanraya yang lepas. Bukan itu sahaja, yang paling menyedihkan soal kenduri-kendara, soal kematian juga menerima bahang yang sama di setengah-setengah tempat. Walaupun perkara ini tidak menyeluruh tetapi perkara yang seperti ini adalah amat tidak baik kalau ianya wujud di dalam satu masyarakat kita.

Mungkin ahli-ahli politik veteran di dalam Parlimen ini akan mengatakan ini soal lama; hanya ditimbulkan oleh seorang yang baru. Memang benar perkara ini adalah perkara-perkara yang pernah ditimbulkan di dalam Dewan ini pada tahun-tahun enam puluhan. Alhamdulillah, ianya reda sekejap oleh sebab-sebab yang tertentu tetapi pilihanraya umum yang lepas telah mengemukakan pula walaupun tidak sehebat larisnya dagangan ini di dalam tahun-tahun enam puluhan dahulu.

Saya menyeru supaya pihak Kerajaan terutama sekali Kementerian Penerangan mengambil pandangan yang berat tentang hal ini. Di samping itu saya berharap setelah pilihanraya selesai, kita semua patutlah jangan meneruskan perkara ini walaupun untuk tujuan mengekalkan solidarity parti kita sendiri. Terimalah kekalahan sebagai seorang ahli pejuang yang gentleman, sewaktu orang lain diizinkan Allah melebihi kita, sebagaimana juga orang lain pernah terpaksa menerima kenyataan sebaliknya sewaktu kita sendiri diizinkan Allah kemengangannya.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya pada hari ini semakin ramai orang-orang yang tidak memahami atau tidak mahu memahami hakikat sejarah negara ini. Pihak

D.A.P. terutamanya tidak terkecuali daripada hakikat ini. Daripada nada percakapan mereka di Dewan ini dan daripada telatah-telatah mereka di luar, di dalam beberapa hal yang tertentu menampakkan bahawa mereka seolah-olah tidak mahu mengerti hakikat sejarah negara ini. Walaupun saya yakin mereka faham dan mereka boleh faham dan mereka boleh berikhtiar untuk memahaminya kalau mereka suka.

Kalau kita hendak mengenali sejarah Parlimen ini misalnya, Tuan Yang di Pertua, sekurang-kurangnya kembalilah kepada tahun 1955 dan bukannya bermula pada tahun 1970 atau tahun 1971. Kalau kita hendak mengetahui sejarah negara ini, kita hendaklah bermula dengan tahun lebih awal, kita tidak boleh bermula dengan tahun 1786, 1641 ataupun 1511. Saya sebutkan tahun-tahun ini kerana peristiwa-peristiwa yang tertentu. Tetapi hendaklah pergi lebih jauh daripada itu lagi dan dengan yang demikian barulah kita dapat mengetahui asal usul negara, rakyat dan masyarakat serta aspirasinya yang terdapat di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau diizinkan saya menyebutkan kembali sedikit perkara-perkara tahun 1955 dan tahun 1959 untuk rekod dan perkara ini untuk ditatapi oleh pihak-pihak berkenaan yang saya hendak ditatapi. Umpamanya kalau kita perhatikan di dalam penyata pilihanraya pada tahun 1955 dan kalau kita perhatikan kepada laporan pilihanraya pada tahun 1959 maka rekod-rekod ini ketara, Tuan Yang di-Pertua. Umpamanya pecahan pengundi; pada tahun 1955 pengundi-pengundi Melayu berjumlah 84.2% manakala pada tahun 1959 pengundi-pengundi Melayu hanya berjumlah 56.8%. Di samping itu pengundi-pengundi China pada tahun 1955 berjumlah 11.2% manakala pada tahun 1959 pula daripada 11.2% kepada 35.6% dan tidak ketinggalan juga pada pengundi-pengundi India pada tahun 1955 3.9% dan pada tahun 1959 menjadi 7.4% dan seterusnya lain-lain pada tahun 1955 0.7% manakala tahun 1959 ialah 0.2%.

Saya tidak berniat apa-apa, Tuan Yang di-Pertua, tetapi sekadar untuk mengembalikannya ingatan orang-orang yang tidak mengenali hakikat sejarah negara dan rakyat negeri ini. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang hendak bersyarah dan

menjadi seorang pensyarah sejarah tentang negara kita ini, hanya sekadar sepertimana saya sebutkan tadi untuk menyebut satu dua aspek sahaja demi mengingatkan orang-orang yang lupa atau orang-orang yang sengaja hendak melupakannya atau orang-orang yang cuba hendak mengabui hakikat sejarah ini kepada jenerasi muda yang baru mulai dapat mengundi pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kembali kepada tahun 1955 dan 1959 sahaja sepertimana yang saya sebutkan tadi, kita dapat melihat corak jumlah dan peratus pengundi mengikut kaum pada tahun-tahun yang berkenaan itu, maka sepatutnyalah segala perkara yang dibuat oleh Kerajaan pada hari ini, segala usaha yang dijalankan oleh Kerajaan hari ini hendaklah dilihat dari dalam konteks tersebut. Konteks dalam ertikata negara ini bukan muncul pada tahun 1970. Kalau hendak mengetahui mengenai bilangan penuntut-penuntut Universiti atau Pusat-pusat Pengajian Tinggi jangan dimula pada tahun 1970 dan tahun 1978 sahaja, tetapi hendaklah dikira pada tahun 1949 di mana Universiti Malaya di Singapura dimulakan. Baca statistiknya, baca kenyataannya, rekod-rekodnya masih terpampang, terdapat di hadapan kita, insya Allah, Tuan Yang di-Pertua, bila gelanggang berkenaan Universiti Merdeka ini dibuka kembali, insya Allah hakikat-hakikat ini kalau berkesempatan akan saya kemukakan kembali.

Hakikat sejarah inilah yang menjadi asas kepada sebuah negara yang kita dapati aman, makmur dengan kota-kota dan kota-kota rayanya yang melambangkan sedikit sangat ciri-ciri negara ini dari segi wajah dan wataknya. Jadi kita patut menerangkan kepada jenerasi muda, jenerasi yang baru boleh menjadi pengundi pada tahun ini, jenerasi yang dilahirkan selepas merdeka tentang hakikat sejarah negara sepertimana yang saya sebutkan tadi secebis daripadanya asal usul negara ini, bagaimana kaum-kaum di negara ini berjaya, sepakat di dalam bidang-bidang yang tertentu. Keadaan ini perlu dipertahankan kalau kita mahukan negara ini panjang umurnya. Saya ulangi: Kalau kita mahu negara ini panjang umurnya. Saya harap saudara-saudara saya terutama sekali dari pihak DAP faham akan hakikat ini dan cuba pula menerangkan kepada jenerasi muda mereka itu dan jangan cuba menerangkan yang di sebaliknya.

Satu kenyataan lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh di sini ialah cara golongan-golongan yang tertentu membuat desakan atau ugutan di dalam sesuatu masalah. Dengan mengumpul banyak badan-badan ataupun apa yang dinamakan "badan-badan" mereka mendesak secara langsung atau tidak langsung seolah-olah mengugut Kerajaan di dalam sesuatu issue. Contoh yang banyak diperkatakan, yang banyak merunsingkan, yang banyak menjadi laris di Dewan ini, yang banyak menimbulkan semangat sekali-sekala pihak Pembangkang ialah issue Universiti Merdeka Sdn. Berhad ataupun Universiti Merdeka.

Beritanya satu perhimpunan besar akan diadakan untuk tujuan ini sepertimana yang saya sebutkan di atas tadi. Saya tidak hendak bercadang melanjutkan soal Universiti Merdeka ini, tetapi yang hendak disentuh ialah sekadar kaedahnya sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun berasa hairan. Pada hari ini, nampaknya, setelah kita gagal untuk mendapatkan sokongan rakyat melalui pilihanraya umum, pilihanraya demi pilihanraya, usul ini, soal ini, telah dikemukakan pada tahun 60an dahulu lagi sudah tiga kali pilihanraya, setelah tiga kali kita lalui, tiga kali mereka itu gagal menghantar wakil-wakil mereka di dalam Parlimen ini. Sekarang, hendak dicuba pula dengan cara lain. Saya ingin bertanya kepada Tuan Yang di-Pertua apa akan terjadi sekiranya ada satu golongan lain pula yang mengumpul paku-paku, golongan-golongannya, penyokong-penyokongnya, simpati-simpatinya untuk membuat sesuatu yang di sebaliknya itu pula.

Tuan Yang di-Pertua, bahkan rasa saya sebarang masalah yang besar seperti ini, sepatutnya tidak dibenarkan dan dipersoalkan di luar, walaupun negara ini mengamalkan sistem demokrasi. Sistem membenarkan pressure group. Sistem membenarkan menulis di akhbar, sistem membenarkan kita menyuarakan pendapat-pendapat yang tertentu asalkan tidak bertentangan dengan Akta (Pindaan) Perlembagaan 1971—Akta Sensitif yang saya maksudkan. Walaupun demikian, Tuan Yang di-Pertua, ini adalah soal besar, soal pokok, soal bahasa, bukan soal kebudayaan, soal pokok, soal negara, soal pembentukan satu jenerasi yang akan datang. Maka soal ini tidak ada

tempat yang lebih besar daripada ini, tidak ada tempat yang lebih berkuasa daripada Dewan ini, tidak ada tempat yang lebih authoritative dalam hal ini, di sinilah tempatnya. Ayuh! bawa ke sini. Soal ditolak atau diterima, itu terpulanglah kepada keadaan-keadaan kekuasaan sendiri. Jadi jelas dan nyata bahawa sebilangan besar rakyat di negara ini yang telah melambangkan sokongan mereka melalui Barisan Nasional yang mempunyai kuasa lebih 2/3 daripada Dewan ini telah menyatakan hasrat mereka itu. Jadi saya menyeru pihak Kerajaan supaya di dalam sesuatu desakan, di dalam sesuatu ugutan, ataupun kalau dijadikan ugutan, walaupun dapat ditafsirkan sebagai ugutan, hendaklah dilihat, diteropong dan ditafsirkan mengikut kuasa-kuasa dari mana soal-soal ini datang. Dari golongan mana soal ini datang, janganlah kerana yang datang dari DAP yang ada wakil hanya 16 orang di sini, hendak mengabaikan golongan kami Barisan Nasional yang mewakili lebih daripada 2/3 dari ahli Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh mengenai Dasar Baru Pertanian yang disebutkan di dalam Ucapan Titah di-Raja. Saya berharap dengan adanya dasar pertanian negara, maka kita akan dapat membuat ataupun menggubal sesuatu dasar yang boleh mencukupi bukan sahaja soal pertanian bahkan juga soal belia, soal matlamat negara dan soal-soal yang bersangkutan dengannya. Misalnya masalah pertanian ini, adalah berhubung rapat dengan belia-belia yang tinggal di luarbandar dan secara kebetulannya belia-belia di luarbandar inilah yang terdiri daripada belia-belia yang dapat dianggap yang paling ramai yang menganggur ataupun yang menganggur tidak ketara. Maka saya harap di dalam kita menggubal dasar pertanian negara yang baharu ini hendaklah kita mengambil kira, mencari jalan dan ikhtiar supaya golongan muda ini suka turun ke sawah kerana sudah menjadi kenyataan pada hari ini pada setengah-setengah tempat oleh sebab-sebab yang tertentu, ada golongan kita yang tidak hendak turun ke sawah. Adakah ini kerana disebabkan oleh dasar pelajaran kita, saya tidak tahu. Saya tidak sempat untuk membicarakan di sini kerana masa adalah terhad. Adakah ini oleh sebab soal sikap pemuda-pemudi kita sendiri tidak boleh disebut, Tuan Yang di-Pertua, oleh

kerana masa terhad, tetapi setakat yang saya boleh sebutkan di sini ialah bahawa dorongan ekonomi untuk belia-belua ini turun ke sawah itu adalah belum lagi menarik minat. Misalnya, lebih baik mereka itu umpamanya dari Kelantan berhijrah ke Singapura mendapat \$8 hingga \$10 sehari daripada turun ke sawah walaupun sawah dan bendang hak mereka sendiri. Ini adalah soal-soal dorongan ekonomi. Mereka rela memperhambakan diri mereka itu di negara orang lain asalkan nilai ekonomi, nilai kewangan, nilai hidup mereka itu lebih terjamin daripada mereka membanting tulang siang dan malam di sawah mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dengan lain-lain perkataan harga padi sepertimana yang disebutkan oleh rakan saya dari Kangar tadi hendaklah ditimbang semula.

Satu aspek dasar pertanian ini, ialah menyentuh berkenaan dengan nelayan. Nelayan dan petani dapat dianggarkan sebagai di antara golongan yang paling rendah pendapatan mereka. Maka dengan hal yang demikian di dalam keadaan di mana kita dengar di merata-rata bahawa sekarang ini terdapat kekurangan ikan, kekurangan itu dan ini. Selain daripada usaha-usaha Kerajaan melalui Majuikan, selain daripada usaha-usaha melalui subsidi yang berkenaan saya juga menyeru Kerajaan supaya mengambil satu langkah ataupun mengambil langkah-langkah yang tertentu supaya bilangan nelayan-nelayan negara kita ini dikurangkan. Dan yang baki itu selain daripada nelayan yang dikurangkan ini, kita mechanisekan mereka ini dengan cara-cara yang tertentu, tidak payah saya sebutkan kerana masa terhad. Manakala sebahagian daripada nelayan-nelayan yang di lain

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada satu minit lagi.

Tuan Hussein bin Mahmood: Terima kasih. Manakala nelayan-nelayan yang lain ini hendaklah kita pindahkan—buat social mobility. Pindahkan mereka ini ke kawasan-kawasan pembangunan wilayah. Pindahkan mereka ini ke kawasan-kawasan pembangunan yang baharu, misalnya kalau di Kelantan Rancangan Kemajuan Kelantan Selatan yang terdapat 2 juta ekar lebih pindahkan mereka ini. Kalau mereka terdiri daripada golongan tua, berasa taksup

tidak mahu meninggalkan kampung-halaman mereka, maka kita pujuk dan pindahkan golongan muda ke dalam rancangan-rancangan tanah ini. Saya rasa dalam soal ini, siapa yang tidak hendak pindah ke tempat-tempat baru, kalau tempat itu disediakan dengan berbagai-bagai nikmat sepertimana yang kita dapati dalam rancangan-rancangan Felda yang disediakan oleh Kerajaan kita setakat hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya mempunyai perkara-perkara lain yang hendak disebutkan oleh sebab masa tidak mengizinkan, saya ucapkan berbanyak terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat ditempokan selama 20 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 4.48 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.15 petang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua: Perbahasan dalam masalah yang di hadapan Majlis ini disambung semula. Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda.

5.15 ptg.

Tuan Hashim bin Endut (Ulu Muda): Bismillah hirahman nirahim. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyertai sama dalam perbahasan satu usul yang dipersembahkan dan mengucapkan banyak shukur serta menjunjung kasih Kebawah Duli yang sudi mencemar Duli serta memberi Titah Ucapan Di Raja semasa membuka Penggal Pertama, Parlimen Kelima yang dikemukakan oleh sahabat saya Yang Berhormat dari Balik Pulau.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Di Raja, Baginda menyentuh dan menggaris banyak aspek bagi kepentingan rakyat termasuk beberapa perkara seperti kejayaan Kerajaan Baginda dalam pilihan raya umum yang lepas sehingga satu Kerajaan berjiwa rakyat iaitu Kerajaan Barisan Nasional tertubuh, yang sedia dan sanggup menjalankan pembangunan bagi kepentingan rakyat.

Kedua, kedewasaan rakyat Baginda meningkat remaja umur 21 tahun iaitu generasi belia. Rakyat merdeka, bebas dari tekanan belunggu penjahat.

Ketiga, dasar pertanian negara sedang dibentuk bagi pembangunan ekonomi pertanian yang lebih tersusun.

Keempat lebih banyak pelaburan modal dari luar atau dalam datang dengan terubuhnya satu unit pusat bagi tujuan ini.

Masalah dadah adalah satu penyakit tenat (chronic) kepada negara kita pada masa ini dan Baginda menyeru supaya seluruh anggota masyarakat hendaklah bertanggungjawab sama mengikis durjana yang maha bahaya itu. Keselamatan negara adalah diutamakan dan Baginda menjunjung kasih atas peranan yang dimainkan oleh seluruh anggota Pasukan Keselamatan kita dan juga kepada semua rakyat yang berpegang teguh kepada ugama serta berpandukan kepada prinsip-prinsip Rukunegara dan akhirnya Kebawah Duli Tuanku menyentuh dasar luar negara adalah terpuji terutamanya peranan yang dimainkan oleh ASEAN dan akhirnya Baginda menyeru serta berharap rakyat memupuk perpaduan menanam sikap toleransi, tidak kira perbezaan ugama, keturunan, kebudayaan yang berbagai fahaman politik masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan Ulu Muda adalah satu kawasan terpencil dan di pendalaman di negeri Kedah yang meliputi dua daerah iaitu daerah Sik dan daerah Pendang. Ramai penduduk di dalam kawasan ini lebih kurang 145,000. 70% daripada penduduknya adalah terdiri daripada kaum bumiputra yang mana adalah petani, pekebun kecil, buruh kasar dan yang lebihnya menganggur ataupun tanam anggur istilah pula hari ini, terutamanya golongan-golongan belia memang banyak yang menjadi penganggur. Hutan belantara luas, security area dikenakan di dalam kawasan ini. Muda Damp ataupun Empangan Muda yang menjadi life-blood ataupun nadi kepada ratusan ribu petani di Rancangan Perairan Muda atau MADA. Ulu Muda adalah kaya dengan kemiskinan; tidak cukup jalan, tidak ada jambatan, tidak cukup sekolah, sedangkan ada budak-budak sekolah terpaksa bersekolah di bawah pohon-pohon kayu. Sekolah Menengahnya ada tiga dan

tiga Sekolah Menengah tidak mencukupi hendak menampung sebegitu banyak Sekolah-sekolah Rendah yang ada di dalam kawasan Ulu Muda. Sekolah Menengah yang terbesar sekali di dalam kawasan ini ialah Sekolah Menengah Pendang di mana murid-muridnya terdiri lebih kurang 2,000 orang. Kawasan ini begitu terpencil. Sekolah Menengah Pendang ini perlu sangat diadakan sebuah asrama.

Perkara ini telah diminta oleh rakyat, sudah beberapa tahun, tetapi malangnya sehingga hari inipun asrama itu tidak diadakan. Mengapa asrama di sentuh oleh saya, Tuan Yang di-Pertua? Tidak lain dan tidak bukan ialah kerana kawasan itu begitu terpencil. Kanak-kanak pergi ke sekolah menaiki kenderaan, sedangkan kenderaan yang ada di sini ialah kenderaan MARA yang lazimnya melalui jalan yang tak elok yang diberi kepada MARA. Oleh yang demikian ada juga kanak-kanak sampai pukul 7 - 8 malam masih menunggu bas di tepi jalan. Sebab itulah saya memandang sebagai wakil rakyat di dalam kawasan ini, masalah asrama di sekolah menengah Pendang patut diberikan keutamaan oleh Kementerian Pelajaran dalam tahun ini atau tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kawasan Ulu Muda ada dua bandar yang terbesar iaitu pekan Pendang dan Pekan Sik. Kedua-dua pekan ini tak ubah seperti cowboy town dan pekan Sik jangan hendak mencari sebuah bangunan batu masih terpencil, masih ketinggalan jauh, apatah lagi peniaga-peniaganya sangat mundur, sangat terkebelakang dari apa segi sekalipun. Api letrik langsung tak ada di Sik, bagaimanakah kita mengharapkan pembangunan akan datang ke Sik, kalau tak ada letrik. Mungkin dua puluh tahun lagi api letrik pun tidak akan datang ke kawasan Sik. Pendang yang agak besar sedikit daripada Sik, baru sahaja tak sampai setahun jagung dibekalkan dengan api letrik, itupun kadang-kadang menyala, kadang-kadang tidak. "Trial" kononnya.

Tuan Yang di-Pertua, masalah dadah talahpun disentuh dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda, adalah satu penyakit yang sangat merbahaya kepada negara. Saya sendiri berasa hairan bagaimana penyeludupan dadah masuk ke Malaysia ini, tidak lain dan tidak bukan

sudah tentu masuk melalui jalan-jalan yang menyambungi antara Thailand dan Malaysia iaitu Padang Besar ataupun Changloon, kedua tempat itu sahaja yang boleh dimasuki. Pagar di sepanjang sempadan Perlis, Kedah dan Siam telahpun dibuat begitu panjang dan berjuta-juta ringgit telah dibelanjakan oleh Kerajaan untuk membuat pagar. Tentera Unit Pencegah Penyeludupan begitu banyak berselerak, tetapi bagaimana dan mengapa dadah masih dapat diseludup ke dalam negara kita melalui jalan-jalan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya agak dadah diseludupkan melalui lori-lori ikan kerana saya dapati lori yang masuk melalui jalan-jalan ini tidak diawasi dengan begitu rapi. Mungkin di dalam perut ikan dibubuh dadah, atau di lapisan bawah tong ikan dibubuh dadah.

Di sini, Tuan Yang di-Pertuan, setelah membaca akhbar kelmarin saya mengucapkan syabas kepada B.S.N. kerana di Kedah telah dapat dihadapkan ke mahkamah 12 orang pegawai, daripada 12 orang itu 8 orang terdiri daripada pegawai kastam berpangkat rendah. Saya merayu juga B.S.N. supaya lebih agresif lagi, check dengan begitu rapi lori-lori yang membawa masuk ikan-ikan dan sebagainya supaya jangan ada penyeludupan dadah menyamar membawa ikan ataupun barang-barang lain ke dalam negara kita. Dan masalah B.S.N. ini saya berasa sedih membaca akhbar semalam kerana 12 orang yang ditangkap atau didakwa di mahkamah itu adalah pegawai rendah dan mungkin juga B.S.N. patut menyiasat pegawai yang berpangkat lebih tinggi supaya masalah ini boleh dikikis dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi masalah yang dihadapi oleh kawasan Ulu Muda ialah masalah perhubungan talipon. Talipon yang ditempatkan di Sik cuma ditaruh di rumah sebagai perhiasan, kalau hendak tengok, boleh lihat, kadang-kadang berbunyi "ring, ring, ring", tetapi bila diangkat talipon tak ada suara. Jadi oleh kerana Menteri berkenaan telah berjanji bahawa perkhidmatan talipon sedang dikaji dan akan diperelokkan, saya mengharapkan di dalam penyusunan pentadbiran talipon ini janganlah dilupakan kawasan saya itu, kawasan Pendang dan Sik di Ulu Muda.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang menjadi anih kepada Sik ialah baru-baru ini merebaknya penyakit taun di dalam kawasan Sik akibat tidak ada hospital dan health office dan sebagainya Pejabat Kesihatan yang menjalankan tugas di dalam kawasan Sik datang dari Kuala Nerang yang mana pegawai-pegawai tersebut kena berjalan ataupun naik kereta sejauh 80 batu. Maka tak hairanlah kalau penyakit taun di Sik itu telah merebak dengan begitu luas kerana pegawai dan Pejabat Kesihatan tak ada, terpaksa diawasi oleh pegawai yang ditempatkan di Kuala Nerang yang begitu jauh. Oleh yang demikian, pada hari yang berbahagia ini, saya merayu dan meminta kepada Kementerian berkenaan supaya di Sik ditempatkan sebuah Pejabat Kesihatan yang mana sentiasa sahaja penduduk dihindangi penyakit iaitu di dalam kawasan Sik dan Pendang.

Tuan Yang di-Pertua, kita masih ingat iaitu dalam tahun 1974/1975 tercetus suatu tunjuk perasaan kononnya rakyat Sik dan Baling lapar. Memang tunjuk perasaan terjadi. Bukanlah mereka lapar. Sebenarnya mereka itu susah sedikit, makan ubi kayu beracun, ubi kayu yang tak patut dimakan oleh manusia dimakan oleh mereka, akibatnya ada yang mati, bukan kerana lapar tetapi kerana salah makan.

Tuan Yang di-Pertua, jalanraya sangat kurang di Sik dan Pendang. Saya merayu kepada Kementerian yang berkenaan supaya membanyakkan jalan dan jambatan di dalam kawasan itu kerana setahu saya apabila seseorang hendak menjadi wakil rakyat terpaksa kita menjelajah ke kampung-kampung. Saya agak semua wakil rakyat begitu. Apabila saya selidiki di dalam kawasan saya terpaksa melalui jungle track, melalui jalan-jalan kecil, tak ada jalan. Jalan ini adalah penting dan jabatan juga sangat penting dan masjid-surau tempat amal ibadat perlu diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, saya agak sayalah seorang wakil rakyat yang ganjil daripada yang lain. Di dalam kawasan saya terdapat tak kurang 4,000 kaum Thai yang menjadi rakyat Malaysia. Mereka adalah satu kaum yang tertinggal jauh dari segi ekonomi, pelajaran dan sebagainya tetapi mereka tak ambil kisah sangat berkenaan pelajaran dan sebagainya. Apa

yang mereka perlukan berkenaan tempat ibadat mereka. Tempat ibadat mereka sangat ganjil, sungguh kasihan kita melihatnya. Oleh yang demikian, saya minta dan saya berharap supaya wat-wat Siam di dalam kawasan itu juga diberi perhatian, jika ada peruntukan eloklah kita beri pertimbangan sewajarnya.

Dalam ucapan saya yang ringkas ini kita boleh ketahui bahawa rakyat Sik dan Pendang adalah rakyat miskin. Di dalam negeri Kedah, saya seoranglah yang datang daripada ulu kerana orang lain tak ada yang datang dari Ulu, mungkin juga manamana wakil rakyat yang datang daripada ulu semua menghadapi nasib semacam kawasan saya, pembangunan kurang, serba serbi kurang.

Tuan Yang di-Pertua, saya agak salah satu sebab di tempat saya mengapa pembangunan kurang kerana semasa saya di bangku sekolah dan berumur 7 tahun, saya dapati Jabatan Kerja Raya pada masa itu di waktu sebelum perang hanya ada tiga buah di negeri Kedah iaitu di Sungai Petani, di Alor Star dan di Kulim. Dalam masa penjajah itu kita tak pernah mendengar rancangan pembangunan dibuat, tetapi hari ini Kerajaan Barisan Nasional hendak memperelokkan kehidupan rakyat supaya rakyat juga merasa nikmat pembangunan, merasa juga nikmat kemerdakaan, kita telah buat pembangunan. Tetapi bagaimanakah pembangunan kita boleh buat kalau pejabat Jabatan Kerja Raya masih setakat itu juga. Tiga pejabat sejak dahulu sebelum perang, sehingga sekarang pun tiga buah juga. Oleh yang demikian, inginlah saya mencadangkan di dalam Dewan yang mulia ini supaya Jabatan Kerja Raya itu disusun juga, kalaulah kita berkehendakkan supaya pembangunan di kawasan pendalaman itu diutamakan. Kerana pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, seorang jurutera hendak pergi mesyuarat ke kawasan saya terpaksa membuang masa satu jam atau dua jam duduk di dalam kereta, bawa kereta sendiri, begitu juga daripada Sungai Petani datang ke Sik hendak pergi mesyuarat tak sampai satu jam, ini adalah membazir, membazir buah fikiran jurutera-jurutera ataupun juruteknik-juruteknik. Adalah lebih baik kalau negeri Kedah yang begitu luas, yang begitu besar eloklah ditubuhkan satu lagi jabatan lengkap

dengan pegawai-pegawainya di dalam kawasan Ulu Muda dikenalkan dengan nama Jabatan Kerja Raya Kawasan Timur. Ini lebih baik dan mungkin juga bahawa kerja-kerja pembangunan ini boleh dipercepatkan daripada apa yang kita ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati dengan ucapan Ahli Yang Berhormat dari Damansara menuduh Barisan Nasional adalah parti perkauman tetapi pada anggapan saya parti D.A.P 10 kali perkauman dari Barisan Nasional. Sebab cuba kita lihat siapa dari mereka yang berada di dalam Dewan yang mulia ini adakah mereka Melayu, Kadazan, Murut atau Iban. Di mana jagoh-jagoh Melayu mereka yang selama ini ada dalam parti D.A.P?

Tuan Yang di-Pertua, kenaikan pangkat pegawai-pegawai juga menjadi masalah kepada banyak pegawai-pegawai Kerajaan. Kadangkala pegawai patut dinaikkan pangkat, tidak dinaikkan, maka ini menjadikan mereka "frustrated" dan dia berhenti, letak jawatan terus pergi berniaga. Di dalam perniagaan pun banyak pegawai, dahulu jadi pegawai masuk menjadi ahli perniagaan "frustrated" juga lagi. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, ingin saya mencadangkan di dalam Dewan yang mulia ini, bahawa kenaikan pangkat itu mestilah berlaku adil kepada semua orang. Sebagai contohnya saya dengar Jabatan Kerja Raya tingkatan Pengarahnya dahulu Kelantan, Trengganu dan Kedah adalah sama tetapi akhir-akhir ini dengar berita kata, Kelantan dan Trengganu akan dinaikkan tarafnya kepada scale yang atas sedikit walhasilnya di Kedah itu tinggal scale yang sama juga. Ini adalah tidak patut kerana kerja-kerja pembangunan juga banyak di dalam negeri Kedah.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu perkara yang saya hendak bercakap di sini berkenaan dengan select tender, tawaran tender ini diberi secara select kepada tujuh lapan orang, masuk tender membuat satu-satu kerja. Ini adalah menyulitkan dan merugikan Kerajaan, kerana select tender ini lazimnya pergi kepada orang-orang yang tertentu semata-mata. Tuan Yang di-Pertua, mengapa saya kata select tender ataupun tender terhad ini patut dihapuskan segera kerana banyak pegawai-pegawai berlaku

curang. Lihatlah di sekeliling Kuala Lumpur kita ini, kontrektor mana, orang mana dan siapa yang membina Universiti Pertanian Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia sedangkan Bilik Gerakan Negara sekali pun boleh menjadi contoh di dalam masalah select tender ini.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, telah menjadi amalan badan-badan berkanun Kerajaan memberi kerja melalui akitek-akitek swasta kepunyaan orang Melayu tetapi jarang benar pemborong-pemborong bumiputra diberi kerja sungguhpun Dasar Ekonomi Baru hendak memberi keutamaan kepada bumiputra. Lihat sahaja MARA bercadang hendak mendirikan sebuah bangunan besar yang dinamakan Sri MARA dengan harga berjuta-juta ringgit. Dan dengarnya pemborong bukan bumiputra telahpun berjaya di dalam tender itu, walhasilnya MARA itu adalah hendak menolong kaum bumiputra, mengapa hendak membina bangunannya sendiripun diberi kepada orang lain? Ini adalah hasil daripada kerja-kerja melalui akitek-akitek swasta.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Endut: Tidak ada can (chance) hendak tambah sedikit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Itu saya tidak faham.

Tuan Hashim bin Endut: Terima kasih.

5.35 *ptg.*

Tuan Bujang bin Haji Ulis (Simunjan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah berkenan mencemar Duli memberi Titah Ucapan Di Raja di Dewan yang mulia ini. Seterusnya saya bangun untuk menyokong usul Ucapan Di Raja dan saya mohon memberi ucapan ulasan mengenai Titah Ucapan Baginda.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan Titah Ucapan Baginda itu lantaran ianya telah menyentuh semua aspek dan bidang yang penting dan mustahak dalam pembangunan negara Malaysia. Dalam

ucapan Baginda telah disentuh perkara-perkara mengenai jenerasi muda dan tanggungjawabnya, pembangunan negara yang dipimpin oleh Kerajaan berjiwa rakyat, masalah dadah, keselamatan negara, kerjasama serantau ASEAN dan perpaduan negara yang boleh dipupukkan melalui kesetabilan politik, ekonomi dan sosial adalah soal-soal yang penting yang harus diambil perhatian serius oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perpaduan melalui kesetabilan politik, ekonomi dan sosial, saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Malaysia sebagaimana yang diamanahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan rakyat seluruhnya telah berjaya mencapai objectif ke arah suci murni ini. Pindaan-pindaan Perlembagaan untuk mempertahankan hak asasi bumiputra telah dilakukan, Dasar Ekonomi Baru telah diperkenal dan dilancarkan, Dasar Pelajaran Kebangsaan telah dikokohkan; dan Rukunegara telah dijadikan Rukun hidup. Kita menyokong kuat bahawa dengan melalui langkah-langkah positif inilah sesebuah negara yang berjiwa Malaysia, berkebudayaan Malaysia, beraspirasi Malaysia dan bersemangat Malaysia akan dapat diwujudkan bilamana pada suatu masa nanti kita tidak lagi akan mendengar sesiapa sahaja bercakap mengagung-agungkan kaum asal mereka sendiri tetapi dibaliknya mengagung-agungkan bahawa mereka ialah orang Malaysia. Dari itu rakyat yang berbilang kaum di negeri ini adalah dikehendaki dapat mengkaji dengan teliti apa yang terkandung dalam Perlembagaan Malaysia, Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pelajaran Kebangsaan. Masanya telah tiba kini untuk kita melupakan perkara-perkara yang boleh menjejaskan motif yang suci murni ini dan berganding bahu dalam pembentukan sebuah Malaysia yang makmur dan bersatu padu.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, di Sarawak selepas 15 tahun mencapai kemerdekaan melalui Malaysia usaha-usaha Kerajaan Persekutuan dan usaha-usaha Kerajaan negeri ke arah yang suci murni ini belum lagi mendapat sambutan yang memuaskan sekalipun ramai juga yang telah menerimanya terutama sekali dari

kalangan bumiputra. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, ada juga golongan yang belum lagi menerima dan belum lagi ikhlas menerima dasar-dasar yang dianjurkan oleh pihak Kerajaan. Ada golongan yang masih lagi enggan bertindak selaras dengan peruntukan Perlembagaan, Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pelajaran Kebangsaan dan sebaliknya mereka sentiasa membangkitkan issue-issue sensitif seperti menyoal hak asasi bumiputra, perkara-perkara keagamaan dan sebagainya. Saya berasa lebih kesal, bahawa dalam pilihanraya yang baharu lepas memang ada golongan-golongan yang telah membangkitkan issue-issue sensitif untuk menarik perhatian penyokong-penyokong sekalipun ini bertentangan dengan Dasar Ekonomi Baru dan bertentangan dengan Perlembagaan Malaysia. Dan, Tuan Yang di-Pertua, malah ada yang telah cuba mengapi-apikan rakyat dengan perkara-perkara yang lebih sensitif dan explosive yang membangkitkan issue perkauman yang keterlaluan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila hak asasi bumiputra dipertahankan, apabila Dasar Ekonomi Baru dilancarkan dan apabila Dasar Pelajaran Kebangsaan dilaksanakan, ramai yang salah tafsiran, ramai yang mahu hak bukan bumiputra juga di pertahankan, padahal mereka sedar dan tahu bahawa hak asasi bumiputra adalah issue-issue yang sensitif yang tidak boleh dipersoalkan, padahal mereka sedar pada saat ini penyertaan bumiputra dalam bidang perniagaan dan perusahaan belum lagi sekali-kali mencapai taraf 30% penyertaan mereka sebagaimana dalam target ataupun strategi Dasar Ekonomi Baru.

Di Sarawak sebagaimana pula di Semenanjung Malaysia dan di Sabah, kesan-kesan penjajahan telah mempolarisasikan keadaan penduduk-penduduk di sana. Kesan-kesan penjajah telah mengakibatkan bahawa kaum bumiputra kebanyakannya hidup dan duduk di luar bandar sementara kaum-kaum yang bukan bumiputra hidup bermastautin di kawasan-kawasan bandar dan kebetulan pula mereka yang hidup di bandar-bandar ini mendapat kemudahan-kemudahan (facilities) yang menguntungkan mereka, sementara pihak-pihak yang hidup di luar bandar tidak mendapat kemudahan-kemudahan seperti itu dan kesan-kesannya berterusan hinggalah di

masa sekarang. Jadi oleh itu adalah diharapkan pihak-pihak bukan bumiputra yang dahulunya mendapat kemudahan-kemudahan sosial, seperti pelajaran, kesihatan dan sebagainya menyedari hakikat ini; dan bahawa adalah menjadi tanggungjawab mereka di masa ini untuk berganding bahu membantu kaum bumiputra yang sudah lama ketinggalan dalam semua bidang. Sebenarnya, bukanlah tujuan Kerajaan untuk menindas ataupun untuk menekan kaum bukan bumiputra supaya mereka dapat ditinggalkan oleh kaum bumiputra. Ini ialah penyelarasan yang diperlukan untuk membentuk sebuah negara yang mempunyai rakyat yang bersatu padu yang tidak ada perbezaan bukan hanya dalam bidang ekonomi tetapi juga dalam bidang-bidang yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, adalah mesti disedari oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa mengikut assesment kasar target 30% bumiputra involvement dalam bidang perniagaan dan perusahaan belum lagi tercapai lebih-lebih lagi di Sarawak. Peniaga-peniaga besar-besaran di bandar-bandar seperti di Kuching, Sibul dan Miri, masih lagi sebahagian besar daripadanya terdiri daripada golongan bukan bumiputra, apatah lagi di tempat-tempat di luar bandar dan pedalaman yang kecil-kecil seperti tempat saya tinggal iaitu Simunjan, di mana hampir semua peniaga-peniaga kecil terdiri daripada kaum bukan bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa kagum mendengar salah seorang daripada Ahli-ahli Yang Berhormat menyentuh soal pengkajian semula tanah-tanah di Sarawak dan meluahkan bahawa sistem pentadbiran tanah perlu dikaji semula untuk membolehkan bukan bumiputra berkecimpung dalam bidang pertanian. Ini seolah-olah menunjukkan bahawa bukan bumiputra sudah begitu cepat minta pemberian balas, kerana bumiputra digalakkan berniaga manakala bukan bumiputra pula juga perlu bertani. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, kaum bukan bumiputra telah banyak memiliki tanah sungguhpun tidak semua. Misalnya di sebuah kampung tempat saya tinggal (kampung kecil), ada dua orang taukeh bukan bumiputra yang tinggal di sebuah kampung yang kebanyakannya penduduk bumiputra; dan seorang daripada taukeh bukan bumiputra ini memiliki tanah yang

terbesar sekali di kampung itu. Apakah ini satu hakmilik yang tidak besar oleh kaum yang bukan bumiputra?

Tuan Yang di-Pertua, di beberapa buah kampung di pedalaman di tempat-tempat yang lain, keadaannya amatlah menyedihkan sekalipun bumiputra-bumiputra banyak memiliki tanah tetapi walaupun begitu bukan bumiputra dapat juga membeli tanah daripada pihak bumiputra. Dari itu sekalipun banyak cadangan untuk mengkaji semula Dasar Ekonomi Baru supaya bukan bumiputra dapat menyertai aktiviti-aktiviti Dasar Ekonomi Baru itu agar tanah dapat dibagikan kepada bukan bumiputra, tetapi saya mencadangkan supaya dalam mempertimbangkan soal ini, kajian-kajian yang serius dan mendalam haruslah diambil supaya hak-hak yang berhak janganlah terjejas supaya nanti (Disampuk)

Tuan Lim Kit Siang: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Sabar, sabar! Penjelasan. Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tidak beri jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, kita takut dalam soal menyelesaikan satu masalah, masalah lain pula yang akan timbul. Jadi, tidaklah bererti dan bermakna tujuan kita menyelesaikan satu masalah itu sekiranya dengan penyelesaian satu masalah itu maka masalah yang lain pula timbul. Sekali lagi saya mencadangkan supaya, dalam usaha mengkaji semula sistem pembahagian tanah, dan sistem pentadbiran tanah di negeri Sarawak, perhatian yang serius, yang halus, haruslah diambil, janganlah nanti perkara yang tidak diinginkan akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ingin saya sentuh lagi di sini ialah soal atau masalah mengenai pekerjaan di kawasan-kawasan luar bandar di Sarawak. Memang benar Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri telah menubuhkan badan-badan berkanun untuk mencepat dan menyelaraskan sistem pembangunan tanah di negeri Sarawak. Peruntukan-peruntukan untuk badan-badan berkanun seperti Sarawak Land Development Board (SLDB), SELCRA dan sebagainya adalah

mungkin memuaskan sekalipun perlu diperbanyakan lagi. Atas soal ini, kita mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan. Tetapi sekalipun begitu banyak lagi tempat-tempat yang belum lagi mempunyai rancangan tanah SLDB dan sebagainya. Akibatnya ialah pekerjaan adalah susah dan dari itu di daerah saya, Simunjan, tempat saya, hampir 50% daripada belia yang mencari pekerjaan terpaksa berpindah mencari kerja di tempat-tempat lain seperti di Kuching, di Sibu malah ada yang terpaksa pergi ke Indonesia untuk mencari pekerjaan. Dan dalam pilihanraya yang baru lepas, saya terpaksa kehilangan banyak undi kerana mereka yang harus balik mengundi, tidak dapat balik untuk mengundi.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi masih menang juga.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Syukurlah, Tuan Yang di-Pertua. Dari itu pihak Kerajaan hendaklah memandang berat dan serius atas perkara ini untuk menjamin supaya mempercepatkan pemereseapan konsep Dasar Ekonomi Baru di kawasan-kawasan luar bandar yang belum diresapi (sekalipun ada kawasan-kawasan yang sudah diresapi) supaya pekerjaan untuk mereka di luar bandar ini terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat dari Bandar Sibu memohon untuk memperbaiki harga lada, saya juga memohon sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat lain memohon supaya diperbaiki harga padi dan barang-barang lain. Apa yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Ulu Muda, kalau saya tidak silap, harga padi harus dinaikkan sampai \$40 sepikul supaya orang yang bekerja di ladang-ladang padi sebagai petani mempunyai harapan di masa akan datang agar kehidupan mereka terjamin dan tidak perlu untuk mereka pergi ke tempat lain untuk mencari pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya harga padi dinaikkan dan langkah-langkah lain yang positif diambil terhadap petani-petani yang kurang berpendapatan tinggi ini, maka saya rasa satu masalah yang dihadapi oleh mereka ini akan dapat diselesaikan. Untuk petani-petani di Semenanjung Malaysia yang bertanam dua kali setahun ataupun tiga kali setahun, ini tidaklah menjadi masalah, tetapi untuk

petani-petani di Sarawak yang hanya bertanam sekali setahun ini ialah satu masalah yang besar kerana kalau hanya sekali setahun pendapatannya tidaklah sebanyak apa yang didapatkan oleh petani-petani di Semenanjung dan harapan saya ialah supaya pihak Kerajaan harus memandang serius terhadap perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekalipun pihak Kerajaan Persekutuan dan Negeri telah bertindak sewajarnya ke arah yang saya maksudkan maka sekali lagi saya bercadang supaya pemereseapan Dasar Ekonomi Baru ini dipercepatkan di kawasan-kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang Dasar Pelajaran Kebangsaan, saya ingin menegaskan bahawa banyak lagi tindakan yang perlu diambil untuk menyeimbangkan kedudukan yang tidak seimbang ini di antara yang bukan bumiputra dan bumiputra. Dan masalah yang dihadapi di Semenanjung Malaysia adalah sama dengan masalah yang dihadapi di Sarawak. Pernah disentuh atau diperkatakan di luar Dewan ini, mungkin ada juga di dalam, bahawa Dasar Pelajaran Kebangsaan ini menghalang bukan bumiputra mendapat peluang berkedudukan yang baik dan memuaskan dalam negara Malaysia ini. Adalah mesti disadari bahawa tujuan Kerajaan bukanlah menyekat bukan bumiputra tetapi memberi peluang kepada bumiputra yang dahulunya tertindas begitu jauh ke belakang.

Seperti juga di Sabah, di Sarawak sekalipun sudah 15 tahun merdeka namun kesan penggunaan Bahasa Kebangsaan di kalangan kaum yang bukan bumiputra belum lagi memuaskan, sekalipun ada yang benar-benar berminat untuk mempelajari Bahasa Malaysia. Memang benar sebagaimana yang ditegaskan oleh Yang Berhormat dari Bandar Sibu bahawa dengan terpanjangnya Akta Dasar Pelajaran Kebangsaan ke Sarawak ini, semua sekolah-sekolah beraliran Tionghua menerima mata pelajaran Bahasa Malaysia. Tetapi harapan kita ialah supaya langkah yang serius akan diambil oleh pihak-pihak yang belajar di sekolah-sekolah beraliran Tionghua ini untuk mempelajari Bahasa Malaysia dengan lebih serius lagi.

Tuan Yang di-Pertua, adalah difikirkan perlu untuk memperbaiki pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah di Sarawak. Di Jabatan Pelajaran di Sarawak misalnya, banyak lagi yang harus kita perbaiki. Contohnya di seksi Bahasa Malaysia di Jabatan Pelajaran di Sarawak hanya seorang pegawai sahaja yang bertanggungjawab untuk menyelaraskan pembelajaran dan pelajaran Bahasa Malaysia dan harapan saya ialah supaya pegawai-pegawai ini akan dapat diperbanyakkan. Saya cukup puashati dengan apa yang telah diumumkan oleh Menteri Pelajaran pada hari kelmarin bahawa langkah-langkah positif akan diambil untuk menyelaraskan perkara ini dan harapan kita ialah supaya langkah-langkah itu akan dipercepatkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Bahasa Malaysia, satu perkara yang ingin saya cadangkan oleh kerana kita sekarang ialah dalam Malaysia dan sedang mempelopori penggunaan Bahasa Malaysia dan juga membentuk Bahasa Malaysia kerana bahasa itu saya anggap ialah satu perkara yang hidup, yang kian bertambah dan boleh diubahsuaikan. Saya cadangkan, Tuan Yang di-Pertua, supaya di Sarawak dan di Sabah ditubuhkan satu Badan Penyelidikan Istilah supaya bahasa-bahasa tempatan yang ada di Sarawak seperti bahasa-bahasa kaum Iban yang sedikit-sedikit bersesuaian untuk digunakan sebagai Bahasa Malaysia akan dapat diambil untuk di Bahasamalaysiakan; bahasa-bahasa Murut, bahasa-bahasa Melanau dan sebagainya yang saya fikir sesuai untuk dimasukkan sebagai istilah Bahasa Malaysia dapat diambil dan difikir dan dipertimbangkan supaya dapat dijadikan istilah rasmi dalam Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah sampai.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Terima kasih.

5.55 ptg.

Tuan A.K. Aliuddin bin Pengiran Haji Mohd. Tahir (Kimanis): Tuan Yang di-Pertua, saya turut serta membahaskan usul menyembahkan Ucapan Terima Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Baginda semasa merasmikan Penggal Pertama Parlimen Yang Kelima.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong, Baginda telah menekankan betapa pentingnya sikap perpaduan terus dipupuk di kalangan rakyat di samping mengekalkan perasaan harmoni antara kaum demi untuk mencapai keutuhan negara. Bagi kami di negeri Sabah yang juga terdiri dari rakyat Malaysia adalah sangat bangga akan hakikat itu. Namun demikian, dalam proses mengintegrasikan rakyat di Sabah dengan rakyat di Semenanjung terdapat beberapa faktor yang menjadi penghalang ke arah tujuan murni. Bagaimana halangan-halangan itu sebenarnya mudah pula diatasi.

Sepatutnya kita hendaklah mengambil langkah-langkah positif bagi mempercepatkan lagi proses pengintegrasian di kalangan rakyat supaya mereka dapat merasakan bahawa kita dipunyai dan dimiliki oleh sebuah negara iaitu negara Malaysia. Tetapi malangnya rakyat di Semenanjung Malaysia hanya sebilangan kecil sahaja yang mengetahui mengenai negeri Sabah. Ini adalah disebabkan alat-alat siberan am tidak banyak yang memuatkan berita-berita dan juga peristiwa-peristiwa yang berlaku di negeri Sabah. Kerajaan Negeri Sabah misalnya telah mengambil beberapa langkah penting di dalam usaha jujurnya untuk mengubah wajah negeri Sabah dan membawa perubahan-perubahan sosio-ekonomi yang dirasakan amat penting jika kita berhasrat untuk memperbaiki taraf hidup rakyat.

Perubahan besar sedang berlaku di Sabah dan seluruh negara haruslah mengetahui hakikat ini kerana apa juga yang berlaku di Sabah barangkali akan menjadi contoh dan berguna juga kepada Semenanjung Malaysia kerana selama inipun segala percubaan-percubaan dan usaha-usaha serta dasar-dasar yang dijalankan di Semenanjung adalah contoh yang amat berguna kepada kami di negeri Sabah. Tetapi berapa ramai rakyat Malaysia yang mengetahui segala perkembangan itu? Berapa ramaikah perancang-perancang negara dan penggubal dasar yang mengetahuinya? Mereka adalah terlalu sedikit bilangannya kerana perkembangan-perkembangan itu tidak mendapat tempat di akhbar-akhbar ataupun di radio dan TV.

Salah satu faktor yang melembatkan proses pengintegrasian negara ialah terdapatnya sistem perhubungan yang sangat buruk

di antara Sabah dengan Semenanjung Malaysia. Bagi Sabah dan Semenanjung cara perhubungan yang termudah dan cepat adalah melalui udara. Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) adalah satu-satunya perkhidmatan udara yang mengawali antara Sabah dan Semenanjung. Akan tetapi malangnya sistem penerbangan kebangsaan kita mengenakan tambang yang terlalu tinggi bagi perjalanan dalam negeri. Tambang yang tinggi itu amat menyulitkan bagi mereka yang berpendapatan rendah untuk melakukan perjalanan. Saya telah terbaca sebuah iklan yang disiarkan di dalam akhbar-akhbar oleh Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia yang menarik minat rakyat negeri ini supaya melancung ke tempat-tempat yang menarik di dalam negara ini.

Misalnya Gunung Kinabalu sedang menunggu ketibaan mereka di Sabah dan keindahan kebudayaan Malaysia di Sabah harus dinikmati. Tetapi tidak adapun rakyat Malaysia dari Semenanjung yang melakukan lawatan serupa itu kerana mereka lebih gemar melancung ke Hongkong, Manila dan juga Taiwan. Ini adalah disebabkan harga tambang ke tempat-tempat tersebut lebih kurang sama sahaja dengan tambang pergi ke Kota Kinabalu. Kita mengakui akan adanya penerbangan murah di sebelah malam di antara Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu dan penerbangan itu sedang popular di kalangan para pekerja. Bagaimanapun untuk mendapatkan satu tempat duduk bagi satu-satu penerbangan seseorang itu terpaksa menunggu berhari-hari lamanya sungguhpun penerbangan Kuala Lumpur ke Kota Kinabalu adalah satu perkhidmatan yang mendatangkan keuntungan kepada MAS. Tetapi tidak ada sesuatu pun usaha yang dijalankan untuk memperbaiki perkhidmatan tersebut. Begitulah juga halnya dengan perkhidmatan kargo MAS walaupun perkhidmatan kargo di antara Semenanjung Malaysia dan Sabah mendapat sambutan ramai namun kadang-kadang ianya mendatangkan rasa marah kepada mereka yang menggunakan perkhidmatan udara kargo MAS. Ini disebabkan berlakunya kelewatan yang kadang-kadang mengambil masa enam bulan baginya untuk menerima kargo tersebut. Saya sendiri pernah melihat bagaimana barang-barang yang dihantar melalui perkhidmatan kargo MAS dari Semenanjung yang sepatutnya dihantar ke bandar-bandar

lain di Sabah telah disimpan bertimbun-timbun di Lapanganterbang Kota Kinabalu. Pada suatu ketika pernah pihak Lembaga Bandaran Kota Kinabalu menggergertak hendak membuang semua barang-barang yang bertimbun-timbun itu ke tempat pembuangan sampah jikalau tidak dipindahkan daripada kawasan yang berhadapan dengan bilik VIP (Orang-orang Kenamaan lapanganterbang).

Barang-barang yang hendak dikirim ke Sandakan, Lahat Datu dan Tawau sudah tentu hendak disampaikan oleh pengirimnya secepat mungkin jika tidak tentulah mereka tidak akan menggunakan perkhidmatan udara yang jelas lebih mahal daripada perkhidmatan kapal laut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga selalu terbaca dalam akhbar-akhbar mengenai usaha-usaha yang dijalankan oleh MAS untuk mendapat hak mendarat di London di mana sepanjang yang diketahui perkhidmatan ke negara itu tidaklah begitu menguntungkan. Dalam perjanjian yang ada sekarang seperti yang saya maklum, MAS dikenakan bayaran sejumlah £4 juta kepada British Airways bagi hak mendarat seumpama itu. Sekarang ini berlaku pula dispute di antara Singapura dengan Malaysia dan di antara United Kingdom dengan Malaysia berhubung dengan hak-hak pendaratan kapalterbang kita di Singapura dan London. Soalnya sekarang jelaslah rakyat sedang tertanya-tanya kenapakah dalam setiap perjanjian begini Malaysia selalu sahaja berada di pihak yang rugi? Syarikat Penerbangan Singapura menggunakan ruang udara Malaysia lebih daripada Syarikat Penerbangan kita menggunakan ruang udara Singapura. Jika sekiranya Singapura berhasrat untuk mengadakan perjanjian udara yang baharu, ianya mestilah berdasarkan kepada ruang udara yang digunakan oleh kedua-dua syarikat penerbangan. Kita hendaklah tegas terhadap mereka yang cuba mencemar kebaikan dan kelemahan-lembutan kita. Singapura nampaknya telah bersikap tidak adil dalam merangka perjanjian seumpama itu. Negara itu lebih banyak meminta daripada apa yang kita pinta dari mereka.

Jika MAS tidak dibenarkan mendarat di Singapura, kita tidak akan mengalami banyak kerugian dan begitu juga halnya jika MAS tidak menambah penerbangannya ke

London kita tidak mengalami kerugian yang banyak. MAS haruslah lebih mengutamakan penerbangan dalam negeri dan memperbaiki perkhidmatannya untuk berkhidmat kepada rakyat negara ini yang tentu sangat menghargai akan usaha yang seperti itu.

6.05 ptg.

Tuan Raymond Szetu Mei Thong (Lambir): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris. Saya adalah seorang dari Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua: Saya faham Yang Berhormat dari Sarawak dan mengikut Seksyen 5 Akta Bahasa Kebangsaan memang boleh berucap dalam bahasa Inggeris. Tetapi cuba berucap dalam Bahasa Malaysia dahulu.

Tuan Raymond Szetu Mei Thong: Speech saya adalah di dalam Bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Mengikut Peraturan Mesyuarat 35, seorang Ahli tidak boleh membaca ucapannya tetapi boleh tengok pointnya.

Tuan Raymond Szetu Mei Thong: Ya, saya cuba, tetapi tidak dapat diteruskan. Jadi saya minta izin.

Tuan Yang di-Pertua: Saya boleh beri peluang besok.

Tuan Raymond Szetu Mei Thong: Besok pun saya tidak boleh kerana saya belum

Tuan Yang di-Pertua: Jadi hendak berucap dalam Bahasa Inggeris juga? Baik, sila.

Tuan Raymond Szetu Mei Thong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, and Honourable Members, I am not speaking in the National Language today because I have not yet mastered it but I make no apologies for it because we Sarawakians have a different historical experience.

Honourable Members from Semenanjung Malaysia, you have attained Merdeka 21 years ago, for us in Sarawak we were absorbed into Malaysia only 15 years ago.

Tuan Yang di-Pertua: Lima belas tahun tidak cukup?

Tuan Raymond Szetu Mei Thong: Belum cukup as I will explain later on.

As late as 1966 our first Chief Minister of Sarawak Datuk Stephen Kalong Ningkan, expressed the view that the people of Sarawak were still not prepared for making Bahasa Malaysia the official language. If you all know the history of Sarawak you would understand what I am saying. And even today Sarawak faces a shortage of Bahasa Malaysia teachers. Teachers from Malaya have the impression that Sarawak is too uncivilised and backward to attract their services.

For the above reasons, over 80% of the people of Sarawak do not speak Bahasa Malaysia and I am with the majority. I am sure many of the Honourable Members here will think that I am being disloyal and anti-national.

For those of you who think so, I wish to remind you that the National Language Act of 1963/1967 is not applicable to Sarawak and Sabah. In fact, a proviso in Section 5, as the Honourable Speaker has pointed out, states that:

“Provided that nothing herein shall be deemed to prohibit the use of the English Language in Parliament by a member for or from Sabah or Sarawak.”

Tuan Yang di-Pertua: Akta itu tidak kata boleh baca ucapan.

Tuan Raymond Szetu Mei Thong: Tuan Yang di-Pertua, His Majesty the Yang di-Pertuan Agong in his Address has asked all Malaysians to support the efforts of our beloved Prime Minister in forging a sense of solidarity. It is on this issue of national unity that I wish to speak.

Before Members of this House can appreciate the contents of my speech, I would firstly remind Honourable Members of the following facts about Sarawak.

For those who have not visited Sarawak, our State is almost as big as Malaya and we form about 40% of the national territory.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Mokhtar bin Haji Hashim): On a point of order.

Tuan Yang di-Pertua: On a point of order, duduk. Kalau penjelasan tidak apa.

Tuan Raymond Szetu Mei Thong: I would like to carry on.

Tuan Yang di-Pertua: No! On a point of order under Standing Order 37(a) you have to sit down—if you do not understand the National language!

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat tadi menyebut “Malaya”. Bolehkah Ahli Yang Berhormat menyatakan manakah “Malaya” itu, kerana tidak ada mana-mana bahagian Malaysia yang dikenali sebagai Malaya sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Semenanjung Malaysia. Teruskan!

Tuan Raymond Szetu Mei Thong: It is the wealthiest State blessed with natural resources. Our timber is rich and plentiful, our petroleum is one of the main contributors of national wealth, new oil fields are constantly discovered, our gas potential is unsurpassed and our coal deposits are potential earners and our hydro-electric power has enormous future. Despite its size and the wealth of our State of Sarawak, it is one of the least developed and most neglected parts of Malaysia. Our people have been made to feel that we are junior partners in the Malaysian enterprise.

This inequality and neglect of Sarawak must be remedied, otherwise national unity will be threatened. Honourable Members, we can never expect to have unity unless we first have equality. “No unity without equality” is the slogan of history.

Our people have experienced a history of neglect and exploitation. The people of Sarawak had high hopes when we joined Malaysia in 1963. Our leaders were brought over here to be shown the beautiful and extensive roads and believed that this was what Merdeka through Malaysia would bring to Sarawak.

But today, 15 years after Malaysia, this experience has not been realised. We do not have a road linking Miri to Kuching and the road which is supposed to link the State from one end to the other, from Kuching to Limbang is still a long way from reality.

Actual expenditure on roads in Sarawak between the years 1966 - 1970 was 1/3 compared to Semenanjung Malaysia \$161.3 million were spent in Malaya whereas \$68.2 million only in Sarawak. And even in Sabah, a much smaller state than Sarawak, a greater sum \$79.8 million was spent on its roads.

The above expenditure shows clearly that the relationship between Semenanjung Malaysia and Sarawak is one of inequality. Sarawak's territory is almost as big as Semenanjung Malaysia and its need for infrastructure is greater because it has lagged behind Semenanjung Malaysia.

Our strongest argument for fair treatment, for more development, is that Sarawak is rich in resources and that we can afford it.

Our wealth from timber is unsurpassed by any State in Semenanjung Malaysia. Our petroleum revenue is colossal. Our gas will earn billions of dollars in a few years and our coal deposits have attracted American investors who have a reputation of going to foreign lands where high profits can be earned.

The vast majority of the people of Sarawak are peasants living in the ulu. Because of the poor communication, prices of basic goods are much higher in the interior and unfortunately the people of the interior are the least able to afford. The price of petrol in Ulu Baram is as high as \$7 per gallon and kerosene is scarce and expensive. The scarcity is due to the difficulty in transporting huge quantity of fuel over shallow rapids due to the lackness of roads.

The need for more roads in Sarawak to reach into the interior is more urgent if the gap between the rural and urban areas is to be breached.

The wealth of Sarawak is being taken out of the State at the expense of its people. Take petroleum for example. Sarawak receives only 5% of the gross whereas PETRONAS gets over 50% and

Sarawak Shell Berhad the rest. PETRONAS, our national oil company, is not spending the money on the development of the State. Sarawak is the biggest producer of crude oil at 90,000 barrels per day at approximately U.S. \$14 a barrel, Sabah 86,000 barrels and Trengganu 58,000 barrels—more or less.

Everyday Sarawak produces at least \$3 million worth of crude oil. Production at the present level has been continuing since 1972. In fact, it had been higher in past years. Despite this enormous wealth, the majority of the peoples of Sarawak have been living in the same conditions as their fathers were fifty years ago.

Development priorities must be placed on Sarawak. Wealth from Sarawak must be spent on the dire needs of Sarawakians first before it is expatriated for the already developed economy of Semenanjung Malaysia.

The history of inequality is reflected in the Second Malaysia Plan where the allocation for rural electrification for Semenanjung Malaysia was \$23 million, for Sabah \$1 million and for Sarawak only \$0.1 million.

Medical facilities are poorest compared to the other States of Malaysia. There are only four major Hospitals in the State and in vast areas in Sarawak, the sick people cannot possibly reach medical help nor the flying doctors reach them. Rural Clinics are few and scattered.

The status of the State of Sarawak must not be compared with the other States of Semenanjung Malaysia. We must be treated on the level of the Inter-Governmental Consultative Committee where discussions were held at that time between Malaya, Singapore, Sabah and Sarawak to work out the terms and arrangements for Malaysia.

This status of Sarawak was acknowledged by the founders of Malaysia and our different historical experience and identity was expressed in the 20 points Agreement.

In the early days of Malaysia there was a clamour by local leaders, advised by their Malayan brothers for Borneonisation of the Civil Service. This meant the replacing of the English Colonialists with Sarawakians. But unfortunately today, the English were not replaced by Sarawakians

but by Malaysians instead. In many Departments the heads are from Semenanjung Malaysia when the East Malaysians are qualified enough to do the job.

Sarawakians must be given employment opportunities and responsible positions, especially over the administration and resources of the State. PETRONAS, whose payroll is mainly supported by oil from Sarawak, is employing about 230 executives. And from these only 15 were recruited from Sarawak. There is not a single Sarawakian on its Board of Directors, nor a single Sarawakian on the managerial level. I have been told we have the qualified personnel to hold these jobs.

If the Federal Government does not allocate more funds for Sarawak it should at least relax the taxation on the people of Sarawak. The pepper farmers of Sarawak are suffering because of the root rot disease of their pepper vines and they barely survive with the increase in the price of chemicals and fertilizers. For this reason, there has been a popular demand that the export duty on pepper be abolished. Two weeks ago, 167 pepper farmers from Belaga who are Kayans and Kenyahs have sent a petition to our Prime Minister about their plight. I hope that the Federal Authorities will be sensitive and sensible to the problems of Sarawakian farmers.

The Federal Authorities should curb the indiscriminate profits of Sarawak Shell Berhad in Sarawak. Supershell which is refined in Miri is sold at a much higher price there than in Kuching when delivery to Kuching would incur the additional cost in freight. Miri, the producer of oil, is paying more for it than consumers in other parts of Malaysia. Where is the logic, except excessive profit by the oil companies? There should be a uniform price throughout the State.

In the Royal Address, His Majesty the Yang di-Pertuan Agong has called for the spirit of tolerance to prevail in matters relating to ethnic, religion, cultural and political differences. I would like to take this opportunity to remind our national leaders that the peoples of Sarawak need this tolerance.

The cultures of the peoples of Sarawak are not identical with that of the people of Semenanjung Malaysia. In Sarawak, the majority of our people are Dayaks comprising of the various indigenous groups like the Ibans, Bidayuhs, Kayans, Kenyans, Punans, Kelabits, Melanaus, Sebobs and others. And if our Honourable Members from Semenanjung Malaysia fail to appreciate this difference, the culture of our people and their identity will be endangered.

Even the Malay and Chinese population of Sarawak have different ways of life and attitudes from their clansmen in Semenanjung Malaysia and we, from Sarawak, are asking for our Semenanjung Malaysia brothers to be tolerant and not forcibly assimilate our Sarawakian cultures into that of Semenanjung Malaysia.

We must accept the reality of a multi-racial and multi-cultural society. The separate identity of the various groups is not a threat to national unity. As I have already emphasised, where there is equality, there will be unity. It is this equal and mutual respect of the Sarawakian identity that our party strives for, and we seek the co-operation and understanding of our Semenanjung Malaysian brothers.

In order to safeguard, preserve and develop the various Sarawakian culture so that we can contribute the better parts of our culture to the Nation, our Party would urge the Government to set up in Sarawak, as soon as possible, the University of Sarawak. This University should be set up in an area which will make it convenient for our Sabahan brothers to attend, an area close to Sabah.

Arguments for the University of Sarawak are as follows:

- (1) That Special emphasis be placed on the studies and research of the cultures of East Malaysians.
- (2) To alleviate the burden of poor parents who could not afford to send their children "overseas", in Semenanjung Malaysia.
- (3) To have an institution of higher learning on the soil of Sarawak so that it may monitor and collect local data more efficiently and intimately.

(4) On the principle of equal and fair distribution, East Malaysia has a population of about 2 million, West Malaysia 12 million and over here you have 5 universities and 3 colleges whereas in East Malaysia we have none.

His Highness, the Yang di-Pertuan Agong has asked the people.

Tuan Yang di-Pertua: His Majesty the Yang di-Pertuan Agong—not His Highness.

Tuan Raymond Szetu Mei Thong: I am sorry. His Majesty the Yang di-Pertuan Agong has asked the people to sink their political differences and be united in supporting the task of fulfilling all national policies and objectives as determined by the people themselves.

The people look to their leaders, for example. In Sarawak the Opposition has won only one constituency and I represent that constituency.

The people of my constituency and I am sure of other Opposition constituencies in Semenanjung Malaysia, are also citizens of Malaysia. They are subject to the laws of our Nation and contribute to the taxes and, therefore, they are entitled to all the benefits accorded to all citizens.

But recently I have been told that this is not so and that constituencies under the Opposition are not entitled to funds under the "M.P. Minor Rural Projects". In Sarawak, I am told, Barisan M.Ps. are given the power to approve minor projects up to the sum of \$100,000/- a year.

If this discrimination continues, then the leaders of our country are not living up to the spirit of democracy. It is a blackmail and discrimination against the people who hold differing views. This would then be a reflection of the Government's intolerance.

If this be the case, then we should ask ourselves, should our people participate in future elections? Can we call this Government a fair and just Government?

If the fund for the "M.P. Minor Rural Projects" comes from the coffers of the ruling parties, I have no complaint but this is people's money. And a responsible Government should not use the

people's money for its own political propaganda nor should they use the people's money to blackmail the people themselves. If this persists, our democracy is nothing but a sham, a better term for that I think is "Tribalism."

We have had Merdeka since 1963 but we have not enjoyed the fruits of our independence and the urgent plea of the peoples of Sarawak is that Semenanjung Malaysia treat us with equality. Honourable Members, take heed of our cry, if you love our Nation. If you don't you shall face the consequence from the peoples of Sarawak. Remember National Unity can never be held together by a Constitution, an Army and a Police alone; it must be built upon the foundations of equality.

Yesterday, the Honourable Member for Julau stated that Tuan Lim Kit Siang's five day visit to Sarawak has divided politics into bumi and non-bumi politics. I must disagree with his observation on the following grounds:

- (1) The people of Sarawak have a greater tolerance and have never expressed the communalistic politics which prevails in Semenanjung Malaysia.

Since the removal of our beloved Chief Minister Datuk Ningkan in 1967, the P.B.B., under the leadership of the present Chief Minister has been trying without success to introduce communal politics along Semenanjung Malaysian lines.

- (2) Two out of three parties forming the State Government are multi-racial. S.U.P.P. has bumiputra elected members and S.N.A.P. has Chinese members sitting in this House. This shows that there is no polarisation of politics in Sarawak. The Opposition parties except one are multi-racial. The Sarawak People's Organisation is also a multi-racial Party.

So I cannot believe that Tuan Lim Kit Siang could have unconsciously polarised politics in his five-day tour of Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan sebut nama dalam Dewan ini!

Tuan Raymond Szetu Mei Thong: I am sorry—that was referred to as a result of the speech of another Honourable Member—whereas our Chief Minister has failed in his deliberate attempt to divide Sarawakians in his career as Sarawak's Chief Minister for the past eight years.

As for the debates over the setting up of private universities, I find that the Minister of Education is evading the issue. The intention of the Honourable Member for Petaling, I believe, is to allow the non-bumis to set up their own universities so that those who are deprived of a place under the existing quota system will not be left out.

The setting up of these private institutions will in no way threaten the National Educational Policy. The Ministry of Education can still impose the medium of instruction and such other regulations on such institutions.

The Minister argues that there is a shortage of places due to limited resources. But, then, he ignores the fact that these private institutions are intended to alleviate these shortages.

I think the question to ask is whether the policy to advance the position of Bumiputras necessarily means also a policy of keeping down the advancement of other races. The over-reaction and emotion arising out of these debates are very sad expressions of strong intolerance of the cultures of others.

Various Honourable Members argue that National Unity will be jeopardised unless we adhere to the concept of “one language, one Nation”. What I would like to know is how far will this argument of “oneness” extend in the name of national unity.

When we have one language and all other races of Malaysia stop speaking their own language, then can we be assured of unity? Examples in other parts of the world say “No”.

In Indonesia, the Chinese have lost their language, most do not even speak Chinese, and yet they are discriminated. Again, in America, the blacks speak American English with no different accent from the Whites. Is there unity amongst them? No!

In Northern Ireland, both Catholics and Protestants speak the same language and yet they are in a state of civil war.

If one day we discover that our nation is still divided despite everyone speaking one language, to what other field shall we extend our concept of “oneness”? Shall we say “one culture, one Nation”; shall we say “one religion, one Nation”; and shall we say, “one race, one Nation”?

The non-Malays, non-Muslim Bumiputras of Sarawak would like to know where they stand with respect to their culture and religion in this concept of “oneness”.

The colour, the past historical experience and culture of various races cannot be destroyed or absorbed as the basis of unity. We must realise that where there is no equality, there will never be unity.

Honourable Members, if you accept the reality of a multi-racial society then we must do everything necessary to assure the various races that their identity will not be threatened.

Nations like Switzerland have three major races—the French, the Germans and Italians—and each race speaks their own languages and have their own universities. Yet they enjoy the unity of a prosperous nation.

6.24 ptg.

Tuan Jamaluddin bin Suhaimi (Sabak Bernam): Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong usul menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Baginda yang mengandungi perkara-perkara penting mengenai dasar dan haluan negara kita. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh beberapa perkara.

Negara Malaysia kita ini seperti yang kita maklumi adalah negara yang penduduknya berbilang kaum, tidak banyak negara dalam dunia ini seperti negara kita. Walaupun begitu, semenjak kita mencapai kemerdekaan hingga pada masa ini dengan sebab sabar dan bijaksana pemimpin-pemimpin kita negara telah dapat mengatasi beberapa ujian dan cabaran dan negara terus maju ke hadapan, baik dalam bidang politik, ekonomi dan sosial. Kemuncak dari kestabilan tersebut rakyat Malaysia

telah dapat menikmati keadaan hidup yang agak lumayan walaupun ada orang mengatakan bahawa yang kaya tetap kaya dan yang miskin tetap miskin tetapi semiskin-miskinnya manusia di negara kita ini tidaklah sampai kebulur.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu keadaan terus mencabar ada orang atau pihak-pihak yang kurang senang dengan apa yang kita capai. Ada orang gunakan perkataan demokrasi bagi membenarkan tindak-tanduknya yang boleh merugikan negara bahkan boleh merosakkan negara. Demokrasi perlu ada undang-undang dan peraturan bagi menjaga keselamatan demokrasi itu sendiri. Demokrasi yang tidak ada batas akan menjadi demokrasi liar dan boleh menghancurkan negara. Tiap-tiap negara mempunyai tafsiran demokrasi masing-masing. Bagi saya demokrasi di Malaysia adalah sesuai dengan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan yang mulia ini berulang-ulang kali juga dikeluarkan kata-kata hak asasi manusia. Sesungguhnya inipun satu ayat yang sangat mulia dan dituntut oleh setiap manusia di dunia akan tetapi hak asasi manusia itupun mesti ada had, jika tidak maka ia akan melibatkan kepentingan orang lain bahkan boleh menimbulkan pertentangan yang akhirnya akan melenyapkan hak asasi manusia itu sendiri. Hak asasi manusia perlu diatur dan dibimbing supaya memberi faedah kepada seluruh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh perkara keselamatan negara. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bertitah: "Rakyat Beta hendaklah sentiasa bersedia

menghadapi musuh-musuh negara". Demikian sebahagian dari Titah Baginda. Maka untuk dapat rakyat menyertai menjaga keselamatan negara dengan lebih berkesan maka pertubuhan-pertubuhan sukarela seperti Pasukan Pertahanan Tempatan (Wataniah) hendaklah diperbesar dan diberi latihan menggunakan senjata-senjata moden, ringan dan berat. Pasukan RELA hendaklah diperkemas dan disusun semula serta diberi kursus dan ceramah-ceramah supaya betul-betul boleh menjadi mata dan telinga Kerajaan. Pertubuhan-pertubuhan sukarela seperti Bulan Sabit Merah, St. John, Pengakap dan yang lain-lain seumpamanya mahulah dipergiat dan digalakkan serta hendaklah diambil berat oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu negara kita patutlah mula membuat sendiri senjata-senjata ringan. Jika kita belum berupaya patutlah bekerjasama dengan negara ASEAN walaupun senjata memang boleh dibeli dengan senang di mana-mana dalam dunia tetapi usaha sendiri adalah perlu untuk membanggakan kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, masa sudah sampai; boleh sambung esok.

Tuan Jamaludd'n bin Suha'imi: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 18hb Oktober, 1978.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.